

DEWAN MAJLIS**Isnin, 24 Jamadilakhir 1439/12 Mac 2018****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang keenam, Isnin, 24 Jamadilakhir 1439 bersamaan 12 Mac 2018 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad (Imam Jame' Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat keizinan-Nya, jua kita dapat lagi pada pagi ini bersama-sama berkumpul untuk meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang pada hari ini telah masuk hari keenam. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan yang diadakan pada pagi ini, kita masih lagi membincangkan Perkara V iaitu Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Saya berpendapat, ada baiknya kita terus sahaja menyelesaikan beberapa soalan lagi dalam Tajuk ini.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Perkara V Soalan-Soalan Yang Diberi Notis, Soalan Jawab Mulut No.9 daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Awang Haji Emran

bin Haji Sabtu: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam sejahtera.

وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. سَيِّدَنَا مُحَمَّدٍ
وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui di Daerah Temburong banyak terdapat taman rekreasi seperti Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoj, Hutan Simpan Ulu Belalong, Mini Zoo Batang Duri dan bangunan kerajaan, bangunan yang bersejarah seperti Tapak Ladang Getah Labu Estet dan bangunan lama Jabatan Daerah yang boleh menarik pelancong datang ke Daerah Temburong jika prasarananya ditingkatkan.

Selain daripada itu, untuk menambah lagi minat pelancong-pelancong dan orang ramai dari daerah lain berkunjung ke Daerah Temburong, Prasarana seperti padang golf, trek-tek baharu bagi meredah hutan (*jungle tracking*), laluan basikal, pusat-pusat peranginan, tempat-tempat tinggal dan sistem pengangkutan yang efisien perlu diadakan.

Untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti ini memerlukan perbelanjaan yang banyak dan tidak semestinya akan ditanggung oleh pihak kerajaan sepenuhnya. Ia boleh diungkayahkan melalui usaha sama *Public Private Partnership (PPP)* ataupun

dikendalikan oleh pihak swasta melalui Pelaburan Langsung Asing *foreign direct investment (FDI)* dengan kerajaan memainkan peranan secara memberikan kemudahan-kemudahan bagi kelancaran projek-projek tersebut. Kaola/saya ingin tahu: Apakah usaha-usaha kementerian berkenaan bagi menarik lagi pelancong-pelancong untuk datang ke Negara Brunei Darussalam terutama sekali ke Daerah Temburong? Sekian, terima kasih. وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Majlis Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu kerana mengajukan soalan berkenaan dengan isu-isu peningkatan prasarana di taman-taman rekreasi di Daerah Temburong bagi tujuan menarik pelancong-pelancong ke daerah berkenaan.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan akan melaksanakan beberapa inisiatif dan program bagi menarik pelancong-pelancong untuk datang ke Negara Brunei Darussalam terutama sekali ke Daerah Temburong. Usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan termasuklah:-

1. Pelancaran semula *Package Temburong Holiday Destination. Package Temburong Holiday Destination* telah diadakan pada

1 September 2016 bertujuan mengukuhkan Daerah Temburong sebagai produk pelancongan *premier* dan destinasi tarikan utama pelancongan bagi penduduk negara ini dan bagi pelancong dari luar negara. Sebanyak 8 pakej bagi 3 hari 2 malam yang berkonsepkan kebudayaan, pengembaraan dan ekopelancongan telah dilaksanakan melalui kerjasama 6 syarikat pengendali pelancongan bermula dari bulan Disember 2016 dan berterusan sehingga kini.

Dari penelitian yang dibuat terdapat peningkatan jumlah pelancong dan pelawat dari dalam dan luar negara ke Daerah Temburong. Sebanyak 8.6% iaitu seramai 1,304 pelancong pada bulan September hingga Disember 2015 kepada 1,416 pelancong pada bulan September ke Disember 2016.

Pakej ini akan dipertingkatkan lagi dari segi pilihan pakej yang dirancang akan dipromosikan pada bulan April 2018 ini. Pakej ini akan menawarkan pakej pelancongan yang lebih menarik seperti pakej 2 hari 1 malam *Package Day Trip dan Night Jungle Tracking*. Pakej ini berdasarkan maklum balas yang diterima daripada ejen-ejen pelancongan dan daripada orang ramai yang pakej seperti ini lebih menarik daripada harga dan pilihan; dan

2. Pembangunan Bangar *Walking Trail*. Projek ini bertujuan

mengetengahkan tempat-tempat menarik dan bersejarah di sekitar kawasan Pekan Bangar dengan memberikan peta jalan dan papan tanda maklumat bagi memudahkan para pelancong melawat ke tempat-tempat yang berkenaan;

Selain itu, ke arah peningkatan prasarana di Daerah Temburong ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga telah menawarkan beberapa projek melalui *PPP* iaitu melalui *request for proposal RFP* dan Projek Rintis, (*Pilot Project*) seperti berikut:

- i. *Request for Proposal* bagi melabur, membina, mengurus, mengendali dan memelihara *resort* berkonsepkan *eco chalet* di Batang Duri, Temburong dan juga *RFP* bagi melabur, membina, mengurus, mengendali dan memelihara *river centre* di Batang Duri, Temburong yang telah pun dibuka tawarannya pada 11 Disember 2017 dan tarikh tutup pada 6 Februari 2018.

Walau bagaimanapun, tiada penyertaan diterima bagi kedua-dua projek tersebut. Projek ini akan ditawarkan semula pada bulan April 2018 ini. Adalah diharap kedua-dua projek ini akan menyediakan pilihan tempat penginapan di Daerah Temburong dan juga dapat menaik taraf jika jeti ke Taman Ulu Temburong yang sedia ada dan seterusnya dapat

- meningkatkan lagi jumlah pengunjung ke Daerah Temburong amnya; dan
- ii. Pakej Projek Rintis (Pilot Project) di Kampung Perdayan Daerah Temburong seluas 2 hektar juga akan dilaksanakan bagi membina resort yang mengandungi 30 unit kem penginapan mewah, restoran *find dining*, kolam renang dan kemudahan lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekianlah saja kaola nyatakan sebagai menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Soalan seterusnya Soalan Jawab Mulut No. 11 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit : Terima kasih,
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
 اَلْسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola akan mengajukan Soalan-Soalan yang Diberi Notis yang ditujukan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Masyarakat Brunei masih ramai yang belum memahami takrif kebudayaan mereka menganggap bahawa kebudayaan itu hanya berunsur nyanyian, tarian dan muzik sahaja.

Sedangkan kebudayaan itu berkait rapat dengan kesenian dan adat. Sebagai misalan, bahasa-bahasa puak, adat-adat istiadat perkahwinan, kesusasteraan Brunei, seni pertukangan tangan, mesin-mesin dan peralatan mekanikal pertukangan melayu Brunei, nama-nama gelaran pertuturan, perhiasan, pakaian puak dan termasuk juga cara Bahasa dan berhawar galat.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ
 Agama Islam telah pun dimasukkan dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Sebagai Agama Rasmi (Perkara III), Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi (Perkara 82) dan Majlis Beristiadat di bawah Adat Istiadat Negara Perkara 3 (2), tetapi hanya meliputi perkara-perkara yang berhubung dengan Adat Istiadat Negara tetapi tidak menyeluruh.

Sungguhpun kita sudah mempunyai kebudayaan tinggi nilainya akan tetapi masih belum jelas akan kewujudannya terutama dalam pelaksanaannya kerana tidak ada satu dasar yang dijadikan sebagai panduan untuk digunakan sebagai sukat-sukat sama ada kebudayaan itu berkembang dengan baik. Apatah lagi pada zaman yang serba moden ini sedikit sebanyak telah menjejaskan keutuhan kebudayaan yang kadangkala terdapat sikap-sikap negatif yang mempengaruhi nilai-nilai adat resam Brunei yang boleh menjejaskan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Soalan saya: adakah pihak-pihak berkenaan akan membuat Dasar Kebudayaan Kebangsaan Brunei untuk

dijadikan panduan konkrit dalam apa jua aktiviti yang berkaitan dengan kebudayaan berpandukan falsafah Melayu Islam Beraja? Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 terima kasih atas persoalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai Dasar Kebudayaan Negara. Untuk menjawabnya dan untuk makluman bersama sukacita dimaklumkan bahawa Dasar Kebudayaan Negara telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet No. 16 pada tahun 1991.

Dasar ini bertulang belakangkan falsafah Negara Melayu Islam Beraja yang bertindak kepada keperluan untuk mempertahankan bangsa dan identiti bangsa dari dihakis oleh pengaruh luar yang difikirkan membahayakan bangsa dan masyarakat. Ia dilakar bagi merespon pada isu yang dibawa oleh budaya popular dan kesan negatifnya. Dasar ini juga memelihara ketahanan bangsa dari aspek nilai identiti, nilai budaya, sosio-ekonomi budaya dan ke arah masyarakat bersatu padu dan madani.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dan sedang meneliti keperluan menggubal semula Dasar Kebudayaan Negara dan

keberkesanan pelaksanaannya. Dapatan daripada hasil penelitian secara ilmiah dan perbincangan dengan pemegang taruh (*stake holders*) mendapati 3 perkara:

1. Dasar Kebudayaan Negara masih relevan dan dapat diguna pakai kerana matlamat dan tujuan dasar berlatarbelakangkan falsafah Negara Melayu Islam Beraja;
2. Pelaksanaan dasar memerlukan penambahbaikan dan penyejajaran agar selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035; dan
3. Cadangan bagi beberapa dasar tambahan sebagai misalan, dasar bagi industri perfileman dan ekonomi kreatif. Ini memerlukan untuk ditunduki bersama dengan agensi-agensy yang berkepentingan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan sekali lagi diucapkan ribuan terima kasih atas soalan yang telah pun diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Sekian.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Soalan seterusnya Soalan Jawab Mulut No. 12 daripada Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ungkapan "belia harapan

bangsa dan tiang negara” tidak akan lapuk ditelan zaman. Mereka juga bukan sahaja jadi pemimpin negara tapi juga dalam semua bidang termasuk sukarelawan bahkan tidak mustahil menjadi usahawan yang berjaya pada masa hadapan jika diasuh, dididik dengan sempurna dan diberi pendedahan yang sesuai.

Soalan kaola:

1. Bagaimanakah pemboleh ubah pemberdayaan belia *enables of youth in powerment* menyedarkan belia untuk menguruskan jalan ekonomi mereka sendiri?;
2. Mungkinkah dengan membuat terlalu banyak perancangan boleh menjadi satu *paradoxs* bagi belia untuk benar-benar meneroka dan mengambil peluang dan risiko yang terdapat dalam mana-mana aktiviti ekonomi?;
3. Adakah jangkaan terhadap pemberdayaan akan mempengaruhi kebebasan ekonomim?;
4. Adakah badan sukarelawan pada tahap nasional dapat mendirikan sektor-sektor kesihatan dan pendidikan dengan menggunakan model PKBN?; dan
5. Untuk mengurangkan beban pekerjaan yang tidak berkaitan dengan perubatan dan juga bagi mengukuhkan lagi sifat kemasyarakatan dalam masyarakat. Dapatkah belia didedahkan kepada

perkhidmatan di Pusat Kesihatan bagi membantu pekerja dan pakar di sektor kesihatan sebagai Pembantu bagi merawat pesakit-pesakit dalam hal-hal yang bukan berkait dengan perubatan (*non medical decision making*)?. Pengalaman ini juga berpotensi untuk menggalakkan para belia untuk mempertimbangkan pilihan kerjaya atau peluang berniaga.

Sekian Terima Kasih.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Petua dan terima kasih soalan-soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii. Soalan-soalan ini amat penting kerana ia menjurus kepada penglibatan belia ke arah pembangunan negara dan penjanaan ekonomi dan kesukarelawan.

Ini juga selarasnya dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Yang Ke 34, Tahun 2018 bahawa negara sangat memerlukan generasi muda untuk berani tampil menerajui pembangunan. Baginda juga bertitah bahawa para belia sepatutnya lebih terpenggil untuk menerajui pucuk pimpinan badan-badan sukarela mahupun syarikat-syarikat. Perkara ini juga selaras dengan 2 daripada 6 strategi di bawah Dasar Belia Negara iaitu Daya Usaha Belia dan

Perkhidmatan Para Belia kepada orang lain serta negara.

Sebagai *enablers of youth empowerment* atau pemboleh pemberdayaan belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang dan akan terus merancang dan melaksanakan program-program pembangunan belia dalam bidang ekonomi. Memang diakui merangka terlalu banyak perancangan adalah *paradox* bagi para belia untuk benar-benar melibatkan diri mereka dalam aktiviti ekonomi kerana lebih banyak masa digunakan untuk merancang program-program dari melaksanakannya.

Oleh itu, kementerian menyedari bahawa apa jua program harus dilaksanakan bersama-sama belia sendiri dan *stakeholders* yang berkepentingan demi memastikan inisiatif-inisiatif benar-benar inklusif dan berimpak tinggi bagi para belia. Setakat ini antara strategi *youth empowerment* ke arah hasrat *economic independence* atau kebebasan ekonomi melalui usaha padu Pusat Pembangunan Belia ataupun *PBB* dan Pusat Belia dengan kerjasama pelbagai agensi, kerajaan dan bukan kerajaan adalah:

1. Pembentukan kursus-kursus kemahiran yang boleh meningkatkan *marketability*, *employability* serta sikap berdikari kepada para pelatih Di Pusat Pembangunan Belia. 2 contoh lepasan Pusat Pembangunan Belia yang telah mencapai kejayaan dan mencapai *role model* adalah:-

a) Awang Mohammad Aizat bin Jumat yang telah membuka sebuah syarikat bernama *Isaac Spade Clothline* yang mengkhususkan mencetak baju dan beg; dan

b) Dayang Salmiah binti Haji Tarang yang telah berjaya mengusahakan perkhidmatan tempahan makanan dan katering, mengusahakan *homestay* serta pekhidmatan pembuatan keropok kering hasil tangkapan laut dengan bantuan Program Pengupayaan Asnaf Zakat diantara Pusat Pembangunan Belia dan Majlis Ugama Islam;

2. Mengadakan aktiviti yang melibatkan syarikat swasta seperti Taklimat *Youth Business Talk*, *Projek Kicks Start* serta Program Mini Kerjaya yang telah mengumpulkan para majikan swasta yang mempunyai kekosongan jawatan untuk ditawarkan kepada lepasan-lepasan pelatih Pusat Pembangunan Belia.

Menurut data yang tekini seramai 141 orang daripada 541 orang lepasan pelatih Pusat Pembangunan Belia sejak tahun 2015 sedang berniaga atau bekerja di sektor swasta. Sementara statistik pada tahun 2016 menunjukkan 55% lepasan Pelatih yang menamatkan latihan pada tahun tersebut telah beroleh pekerjaan sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta

atau berniaga atau menyambung pelajaran di peringkat lebih tinggi;

3. Pelaksanaan 38 Memorandum Persefahaman dengan syarikat-syarikat swasta dalam pelbagai bidang termasuk *Mashor Group of Companies*, Petrojaya Sendirian Berhad, Syarikat Megamas, *Amherst Envirotech*, *Mobitech Solution* dan *Brunei Transportation Company*;
4. Penubuhan koperasi Pusat Pembangunan Belia Berhad yang beroperasi sejak tahun 2004 yang berfungsi sebagai *incubator* untuk melatih belia dalam bidang perniagaan dan menimba pengalaman;
5. Penyediaan tempat bagi ekspo-ekspo jualan seperti *Weekend Space* di Pusat Belia dan Program Tahunan Gerai Ramadan Belia yang memberikan ruang bagi belia untuk berniaga; dan
6. Perlaksanaan satu program khusus yang dinamakan Belia Berdikari yang melibatkan Program Bantuan Kewangan sebanyak \$2,000.00 seorang. Sehingga kini, program ini telah berjaya membantu seramai 67 orang belia dalam menubuhkan perusahaan dan perniagaan secara kecil-kecilan. Seramai 57 orang daripada belia ini masih aktif menjalankan perniagaan dan perusahaan mereka.

Manakala antara program yang akan diusahakan oleh kementerian ini

bersama agensi-agensi yang lain demi memperkesakan lagi *youth empowerment* dalam bidang ekonomi ialah:

- i. Penglibatan *Darussalam Enterprise* bersama Pusat Belia bagi merealisasikan peningkatan Produk Halal Brunei dengan Pengiktirafan Sijil Halal Brunei untuk peniaga-peniaga kecil di samping membantu meningkatkan kutipan hasil prasarana Pusat Belia;
- ii. Mempertingkatkan perkongsian pintar atau *Smart Partnerships* dengan sektor swasta bagi menambah nilai program-program yang ada; dan
- iii. Seperti yang diutarakan tadi, melibatkan lebih ramai belia dalam pelaksanaan program-program melalui sesi-sesi dialog dan permuzakaran demi menghubungkan hasrat mereka dengan keperluan negara.

Memang faktor penting dalam menjayakan program-program ini belia itu sendiri. Belia perlu menukar minda untuk menjadi lebih positif, berani dan tidak takut gagal malah bangkit semula untuk terus berusaha.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Di sini kaola ingin mengongsikan mengenai Program Belia Berpadi di bawah Pusat Pembangunan Belia dengan kerjasama Jabatan

Pertanian *IBTE* Kampus Agro-Teknologi Wasan yang bermula pada tahun 2015 dengan 14 orang belia telah menyertainya.

Pada masa ini 8 orang belia masih mengusahakan penanaman padi. Walaupun gagal dalam penuaian pertama dan kedua, mereka terus berani sehingga berjaya menghasilkan penuaian yang pertama pada tahun ini seramai 3 orang daripada mereka telah terpilih untuk mengikuti kursus mengenai teknologi padi *hybrid* di *China*. Ini menunjukkan belia kita berupaya untuk menjadi insan yang cekal dan yakin boleh sepertimana yang kita hasratkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, mengenai penglibatan belia dalam kesukarelawan, ketika ini pihak kementerian berganding bahu dengan persatuan-persatuan belia dalam sama-sama melaksanakan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan yang terbahagi kepada 9 kluster. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** Lebih daripada 6,000 orang sukarelawan dalam pelbagai bidang telah berdaftar dengan kementerian ini pada tahun 2016. Antara lain kluster-kluster ini termasuk dalam bidang-bidang pendidikan dan kesihatan. Walaupun jumlah ini tinggi apa yang lebih penting bagi para belia untuk terus aktif dan komited dalam kerja-kerja sukarelawan.

Bagi kluster Pendidikan penerima-penerima Anugerah Belia semasa Hari Kebangsaan Kali Ke-12 Tahun 2017,

telah banyak memfokus bidang ini iaitu Kategori Belia Cemerlang telah dianugerahkan kepada Dayang Norliyana Fatin binti Ariffin yang telah mengharumkan nama negara dalam kerja sukarelawan dalam bidang Pendidikan dan Keusahawanan di Kemboja dan Negara Brunei Darussalam. Ini menunjukkan bahawa pengiktirafan telah diberikan kepada pergerakan sukarelawan dalam bidang pendidikan di Peringkat Nasional.

Manakala dalam kluster kesihatan terdapat beberapa buah persatuan sukarelawan yang memberikan perkhidmatan dalam bidang ini, seperti Persatuan *Humanitarian Emergency Aid Response Team (H.E.A.R.T)* dan Persatuan Bulan Sabit Merah yang sering kali membantu dan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam menghulurkan bantuan *First Aid* semasa acara-acara besar negara.

Walaupun kerja-kerja dalam sukarelawan ini diakui belum menyerlah, kementerian ini akan terus berusaha bagi meningkatkan semangat kesukarelawanan dalam apa jua bidang yang berpotensi untuk memberikan faedah kerana ia juga sudah dilaksanakan di negara-negara jiran.

Khusus bagi perkembangan dalam sektor kesihatan dengan menggunakan model PKBN yang telah ditekankan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, perkara ini akan diberikan penelitian lanjut bersama pihak-pihak tertentu khususnya Kementerian Kesihatan kerana ia berhubung rapat dengan kemahiran

profesional hal-ehwal kesihatan dalam melaksanakan aktiviti sukarelawan tersebut. Kaola mengambil maklum bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan berhasrat untuk memberikan apa jua maklumat tambahan mengenai perkara ini sebentar lagi.

Secara ringkasnya, demi membangun belia yang cemerlang melalui penglibatan mereka dalam ekonomi dan sukarelawan, kementerian ini akan sentiasa berusaha dan berganding bahu dengan pihak-pihak berkepentingan agar para belia lebih *marketable*, lebih berdikari dan tidak bergantung pada pekerjaan dalam kerajaan melalui *youth empowerment*. Secara keseluruhannya juga hasrat utama kita adalah pewujudan belia yang benar-benar menepati keperluan negara termasuk penjana belia yang bersifat sukarelawan dalam pelbagai bidang.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan suka untuk membuat kenyataan tambahan terhadap soalan-soalan yang dikemukakan, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَسْتَغْفِرُكُمْ وَعِزَّةُ اللَّهِ وَسَيِّدَاتُهُ
dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang

diutarakan. Kementerian kesihatan sangat mengalu-alukan dan menyambut baik usulan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi iaitu dalam mencadangkan bagi belia mendapat pendedahan ataupun *exposure* kepada perkhidmatan-perkhidmatan dalam pelbagai sektor khususnya perkhidmatan kesihatan melalui khidmat sukarelawan dalam mengukuhkan lagi sifat kemasyarakatan di samping memberi galakan kepada belia-belia untuk mempertimbangkan kerjaya dalam perkhidmatan kesihatan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kita di Negara Brunei Darussalam ini mempunyai sukarelawan-sukarelawan dari pelbagai pihak organisasi bukan kerajaan ataupun *NGO's* seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan tadi dan pihak-pihak sekolah dan juga institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini.

Di negara-negara maju kerja-kerja sukarelawan dalam perkhidmatan kesihatan bukanlah satu perkara baharu. Sehubungan itu, dalam proses pengambilan perkhidmatan sukarelawan dari mana-mana pihak adalah sebaiknya ia dilakukan melalui mekanisme yang formal menurut tatacara yang dipersetujui oleh pihak Kementerian Kesihatan dan juga pihak-pihak yang berkenaan.

Mekanisme formal yang dimaksudkan ialah untuk mengambil kira perkara-perkara yang penting terutama sekali isu-isu *confidentiality* serta keselamatan

pesakit bagi memastikan ia terjaga. Sukarelawan sebaiknya hendaklah menjalani pemeriksaan ataupun *screening* serta latihan yang sewajarnya bagi mengelakkan sebarang pendedahan bahaya kepada pesakit mahupun dari segi kesihatan ataupun segi fizikal contohnya risiko jangkitan penyakit, *fall prevention* dan sebagainya, terutama sekali dalam melibatkan pesakit kanak-kanak atau pesakit-pesakit yang kurang berupaya.

Antara contoh-contoh kerja sukarelawan yang dimaksudkan dalam perkhidmatan kesihatan seperti berikut:-

1. Membantu pesakit dalam menguruskan temu janji ataupun *appointments*. Ini termasuk menghantar dan mengambil pesakit ke hospital atau pusat-pusat kesihatan terdekat;
2. Memberikan sokongan moral kepada pesakit-pesakit seperti penghidap penyakit kanser bagi meringankan tekanan dan kekhawatiran mereka berkenaan dengan penyakit yang mereka hadapi;
3. Membantu dan menemani pesakit pediatrik atau kanak-kanak dalam rawatan-rawatan terapi yang memerlukan pemerhatian dan dukungan terutamanya dalam rawatan *Play Therapy*; dan
4. Sukarelawan juga boleh memberikan khidmat bantuan di bahagian rehabilitasi seperti dalam pemberian rawatan fisioterapi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada dasarnya pihak-pihak sukarelawan dari organisasi-organisasi bukan kerajaan ataupun *NGO's* sangat-sangat digalakkan untuk terlibat sama dalam membantu meningkatkan keberkesanan pemberian perkhidmatan kesihatan di negara ini. Walau bagaimanapun, wajar bagi proses pengambilan sukarelawan tersebut diperbincangkan bersama pihak-pihak yang berkepentingan pada satu sesi di luar nanti dalam sama-sama memersetujui tatacara yang terbaik bagi menangani perkara-perkara yang kaola bentangkan tadi.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar 3 soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di bawah Tajuk Soalan-Soalan Yang Diberi Notis. Nampaknya saya difahamkan bahawa 1 soalan lagi ketinggalan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Soalan Jawab Mulut seterusnya No.13 daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
اَلْسَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Istana Darussalam yang letaknya di Bandar Seri Begawan adalah sebuah bangunan yang banyak melakar sejarah

dan antara satu-satunya bangunan lama yang masih terpelihara. Ia berpotensi besar untuk menarik pelancong terutama sekali mereka yang berminat untuk mengkaji sejarah jika sekiranya ia dimasukkan ke dalam buku panduan pelancong dengan memasukkan sejarah bangunan tersebut seperti tarikh ia dibina, *material* yang digunakan, sultan-sultan yang pernah bersemayam, diputerakan dan yang telah lindung di istana tersebut.

Kaola ingin bertanya:

Adakah sebarang perancangan kementerian berkenaan untuk berbuat demikian? Sekian sahaja pertanyaan kaola. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon atas soalan yang diketengahkan. Seperti mana yang kita sama-sama maklumi Istana Darussalam memiliki nilai sejarah yang tinggi dan penting bagi negara. Ke arah tersebut untuk makluman bersama Istana Darussalam telah diwartakan sebagai salah sebuah monumen yang dilindungi di bawah Akta Purbakala dan Harta Terpendam 1967 - Edisi Semakan 1984/1991 dan 2002.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Muzium-Muzium secara terus-menerus memberigakan tempat yang bersejarah ini melalui

"Jejak Warisan (*Heritage Trail*) Bandar Seri Begawan".

Ke arah ini, monumen-monumen tapak-tapak warisan bersejarah diberikan papan tanda yang mesra pelancong. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Pusat Sejarah Brunei juga telah membuat pendokumentasian bahan mengenai istana-istana yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Bahan-bahan tersebut termasuk penerangan mengenai Istana Darussalam menjadi maklumat atau bahan panduan untuk para pelawat khususnya Juru Pandu Pelancong dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dimaklumkan juga maklumat Istana Darussalam sudah pun dimasukkan dalam *pamphlets* dan risalah yang diberikan kepada pelancong. Kementerian ini difahamkan sebanyak 15 agensi pelancongan telah memasukkan Istana Darussalam sebagai *photo stop* dalam pakej *BSB City Tour* mereka bagi para pelancong merakam memori dan bergambar. Kita amat berterima kasih kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas inisiatif bersama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Jadinya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Maon bahawa perkara ini telah pun dilaksanakan.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar 4 soalan, bukan 3 daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira kita masih berhadapan dengan perkara mengenai bajet yang memerlukan tenaga kita sepenuhnya untuk ditumpukan dan ada permintaan daripada Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan untuk membolehkan perkara ini kita cepatkan. Jadi, saya kira ada baiknya kita menumpukan perhatian kita kepada perkara-perkara yang kita hadapi ketika ini dan sekiranya ada soalan tambahan, kita akan mendengarkan kemudian nanti, *إن شاء الله*

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan-soalan yang berkenaan telah pun dijawab dengan jelas oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Maka saya kira cukuplah dalam membincangkan perkara ini dan eloklah kita seterusnya menumpukan sebagaimana yang saya nyatakan kepada perkara-perkara iaitu untuk membincangkan Rang Undang-Undang yang bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibincangkan satu persatu.

Maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dulu dan

kita akan bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 satu persatu yang mana kita ketahui Rang Undang-Undang ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Pada sebelah petang hari Sabtu yang lepas, kita telah mula membincangkan dan membahaskan Jadual Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, atas permintaannya sendiri, maka kita dahulukan kementerian yang berkenaan itu.

Walau bagaimanapun, sebelum saya menyambung semula untuk membuka Jadual ini untuk dibahaskan, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pertahanan II ingin untuk membuat kenyataan tambahan bagi menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, tentang isu Tabung Amanah Pekerja (TAP) yang telah ditimbulkan semasa membincangkan Jadual Kementerian Kewangan.

Saya persilakan, Yang Berhormat Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola sukacita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas kesempatan untuk memberikan pencerahan mengenai beberapa soalan-soalan yang telah pun dikemukakan oleh, bukan sahaja Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, malahan ada lagi jua Yang Berhormat Pengerusi, maka banyak-banyak terima kasih juga kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan soalan ini.

Mula-mula kaola ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai terma strategi untuk mengongsikan bersama orang awam Prestasi Kewangan Tahunan atau *Annual Financial Performance* untuk menilai semula atau *review* dengan juga membuat kajian komparatif (*comparative studies*) bersama-sama dengan negara lain. Berkenaan dengan laporan kewangan Tabung Amanah Pekerja (TAP), ia dapat diakses melalui laman sesawang Tabung Amanah Pekerja (TAP), www.tap.com.bn.

Bermula Tahun Kewangan 2016/2017, laporan kewangan mematuhi *International Financial Reporting Standard (IFRS)*, sebagaimana

yang dikehendaki oleh Kementerian Kewangan bagi meningkatkan ketelusan aktiviti pengurusan dana TAP dan SCP. Mengenai dengan penilaian semula atau *review* dengan membuat kajian komparatif dengan negara-negara lain, pihak Kementerian Kewangan dan Tabung Amanah Pekerja (TAP) sentiasa membuat kajian secara holistik sama ada dari segi struktur dan strategik pelaburan. Kajian juga dibuat dengan mengambil kira *comparative study* dengan skim-skim persaraan yang ada di negara-negara jiran.

Misalannya pada tahun 2006, Tabung Amanah Pekerja (TAP) menggunakan Universiti Brunei Darussalam untuk meneliti keupayaan skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dalam jangka masa panjang. Kaola sukacita memaklumkan bahawa perkara yang telah dikongsikan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kajian yang dibiayai oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP) untuk kegunaan Tabung Amanah Pekerja (TAP) sahaja, untuk mencapai hala tuju yang strategik dalam pengurusan dana TAP dan SCP.

Seterusnya skim SCP yang ditubuhkan pada 1 Januari 2010, sebagai tambahan kepada skim TAP adalah juga hasil kajian-kajian oleh Kementerian Kewangan dengan Tabung Amanah Pekerja (TAP). Dengan SCP ini, kerajaan telah membuat bayaran *catch up* sebanyak \$30.00 sebulan kepada ahli SCP yang telah menjadi ahli TAP sejak Januari 1993 atau sejak ahli mencapai umur 25 tahun, mana-mana yang kemudian.

Jumlah perbelanjaan kerajaan dengan membuat pembayaran *catch up* secara keseluruhan adalah sebanyak \$283.48 juta. Di samping itu, bagi mereka yang bergaji kurang dari \$500.00 sebulan, kerajaan juga ada membuat caruman *top-up* ke akaun SCP ahli setiap bulan bagi mencukupkan caruman bulannya.

Seterusnya pada tahun 2012 untuk membantu ahli-ahli TAP untuk memiliki rumah sewal yang boleh supaya simpanan TAP dapat digunakan sepenuhnya untuk simpanan pada hari tua persaraan, kerajaan telah memperkenalkan Tabungan Perumahan TAP.

Kerajaan akan memberikan bantuan kewangan maksimum sebanyak \$25,000.00 kepada ahli-ahli TAP yang mencarum ke dalam Skim Tabungan tertakluk kepada persyaratan yang ditetapkan. Secara keseluruhannya pihak kerajaan telah pun membuat pembayaran bantuan kewangan sebanyak \$6.5 juta.

Berkenaan dengan strategi pelaburan pula, ia dilaksanakan dengan objektif utama untuk melindungi simpanan ahli-ahlinya. Aktiviti pelaburan TAP mengutamakan pelaburan secara berhemah dengan memberikan keutamaan kepada perlindungan modal di samping memastikan terdapat kecairan atau *liquidity* dan dapat memberikan kadar pulangan yang stabil yang mampu memberikan kadar inflasi dan deposit tunai dalam jangka masa panjang.

TAP telah mempelbagaikan pelaburannya dalam bentuk, sukuk, *bond*, *money market instruments* dan *equity* di pasaran serantau dan global. Prestasi pelaburan TAP tertakluk juga kepada pelaburan dunia dan serantau. Kadar purata dividen TAP sejak 25 tahun penubuhan adalah pada kadar 2.5%.

Sebelum krisis kewangan dunia pada 2008 hingga 2009, kadar pulangan TAP sangat memberangsangkan yang mencecah pada kadar 4.25% untuk 4 tahun berturut-turut. Pelaburan TAP juga tidak terkecuali daripada mengalami risiko turun naik (*volatility*) prestasi pasaran semasa dan juga kepada risiko-risiko pelaburan yang lain akan mempengaruhi pulangan pelaburan.

Sebagai contoh, semasa ekonomi dunia dilanda krisis kewangan yang teruk pada tahun 2008 hingga 2009 pasaran saham dunia menjunam 50%. Walau bagaimanapun, jumlah simpanan ahli TAP tidak terjejas kerana strategi pelaburan TAP telah mengambil kira usaha untuk mengimbangi risiko untuk memastikan modal simpanan ahli terlindung daripada impak pasaran.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2008 *Policy Reserve* telah ditubuhkan, sebagai persediaan semasa pasaran menurun. *Policy Reserve* ini dapat mengimbangi pulangan yang konsisten dan stabil kepada ahli-ahlinya, iaitu semasa keadaan pasaran yang baik sebahagian daripada pulangan akan

disimpan bagi mengimbal pulangan pasaran yang menurun.

Dalam membuat perbandingan dengan skim-skim persaraan yang terdapat di beberapa buah negara jiran, masing-masingnya mengenakan kadar caruman yang jauh lebih tinggi daripada TAP seperti 17% daripada majikan dan 20% daripada pekerja atau 13% daripada majikan dan 11% daripada pekerja. Kadar caruman TAP dan SCP adalah sebanyak 5% dari majikan dan 5% daripada pekerja bagi skim TAP dan 3.5% daripada majikan dan 3.5% daripada pekerja bagi skim SCP.

Seterusnya sebahagian negara ada mempunyai Bursa Saham tersendiri yang membolehkan dana dari Skim Persaraan dapat melabur ke dalam pasaran *equity* dan *bond* tempatan, tanpa perlu ke luar negara justeru mengelakkan risiko pendedahan kepada pertukaran mata wang.

Selanjutnya kaola ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, mengenai pengeluaran bulanan skim SCP sebanyak minimum \$150.00 sebulan setelah mencapai umur 60 tahun.

Sebagaimana Yang Berhormat sebutkan semasa membangkitkan perkara ini pada hari Khamis, iaitu tujuan utama SCP ialah untuk memastikan semua peserta skim SCP yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan menerima bayaran pendapatan bulan minimum

annuity \$150.00 setelah mencapai umur 60 tahun.

Dalam hubungan ini, persyaratan yang telah ditetapkan untuk mendapatkan \$150.00 sebulan ini mencarum dengan skim TAP tidak kurang daripada 35 tahun. Jika persyaratan di atas tidak dipenuhi, maka jumlah *annuity* bulanan tertakluk kepada jumlah simpanan yang terkumpul dalam akaun ahli dengan jumlah ambang *threshold* simpanan yang membolehkan bayaran bulanan ialah \$12,000.00 iaitu pembayaran minimum \$50.00 sebulan bagi tempoh 20 tahun. Jika jumlah ini dicampur dengan pencen tua iaitu \$250.00 sebulan, ahli akan mendapat \$300.00 sebulan.

Oleh yang demikian, dengan jumlah ambang ini, jumlah pembayaran *annuity* serendah sebanyak \$50.00 sebulan dan bukannya \$40.00 seperti contoh Yang Berhormat berikan terdahulu.

Seterusnya kaola ingin merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, iaitu:-

1. Pencapaian Pelaksanaan Skim Tabung Amanah Pekerja dalam memberikan keselesaan kepada pencarum yang terlibat dalam skim ini. Antara pencapaian pelaksanaan skim ini termasuklah pekerja sektor swasta dan awam yang bukan dalam jawatan berpencen telah ada simpanan persaraan berbanding sebelum TAP ditubuhkan. Ahli-ahli telah mempunyai simpanan SCP

yang antara manfaatnya ialah tabungan (balu dan anak), ahli yang meninggal sebelum mencapai umur 60 tahun akan menerima pembayaran \$400.00 sebulan secara terkumpul untuk jangka masa 15 tahun bermula dari tarikh ahli meninggal dunia. Setakat ini seramai 628 waris telah mendapat bantuan ini.

Ahli-ahli yang mengikuti skim SCP boleh mendapatkan bantuan kewangan maksimum \$25,000.00 untuk membeli sebuah rumah dan jaminan pulangan 3% ke atas simpanan SCP mereka. Ahli-ahli yang bekerja di sektor swasta boleh mendapatkan Elaun Pelajaran bagi anak-anak mereka yang belajar di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan ahli-ahli dari sektor swasta yang beranak boleh mendapat Cuti Beranak selama 13 minggu dengan gaji dibayar penuh iaitu kerajaan akan membuat bayaran balik kepada majikan ahli berkenaan bagi gaji minggu 9 hingga 13. Semua ini disediakan adalah untuk keselesaan para pencarum juga;

2. Mengenai kadar keuntungan dana TAP, tidak begitu mengalakkan iaitu 1% hingga 2% sahaja. Adakah TAP sudah mempunyai pakar ekonomi untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar lagi seperti aktiviti Agensi Pelaburan Brunei? Perkara ini ada hubung kaitnya dengan pencerahan kaola kepada perkara yang dibincangkan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin

Ahmad sebentar tadi. Kaola hanya akan menambah pelaburan TAP diuruskan oleh beberapa pengurus dana yang arif dalam pelaburan dan dipantau oleh ahli panel pelaburan TAP yang ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai Agensi Pelaburan Brunei dan institusi kewangan tempatan; dan

3. Mengenai cadangan untuk memberikan pinjaman atau *loan* bagi membeli kenderaan dengan had-had harga yang tertentu untuk penjawat awam (kakitangan kerajaan) dengan kadar faedah (*interest*) yang berpatutan dan munasabah, dan pembelian bagi alat-alat perabot rumah dan alat-alat lain yang diperlukan oleh rumah tangga.

Dalam menimbangkan apa jua inisiatif atau cadangan, pihak Kementerian Kewangan dan TAP akan merujuk kepada objektif penubuhan TAP. Akhirnya kaola penuh percaya bahawa Kementerian Kewangan dan TAP akan terus membuat kajian-kajian yang tertentu bagi mengenal pasti inisiatif-inisiatif yang akan menambahbaikkan lagi skim ini. Namun persoalan simpanan yang mencukupi untuk menyara persaraan adalah subjektif dan ia memerlukan kerjasama daripada kerajaan, majikan dan pekerja itu sendiri.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola jelaskan bagi menjawab

soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, sekian.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertahanan II. Saya kira perkara yang dikemukakan atau yang diberikan penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan II itu, telah ditimbulkan bertahun-tahun. Jadi saya kira ada baiknya barangkali kalau rekod seperti itu akan kita cetak supaya ia akan dapat diberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya mereka terus mengingati perkara-perkara seperti yang berkenaan jika sekiranya timbul daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat kawasan masing-masing.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat telah ikut serta dalam membincangkan Jadual Kementerian Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah juga memberikan respons yang sangat jelas dan ringkas terhadap beberapa soalan yang telah dikemukakan.

Walau bagaimanapun, sebelum Jadual Kementerian Pembangunan disambung semula untuk dibincangkan dan dibahaskan, bersama ini masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbincangan ini, tetapi sebelum itu saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan beberapa respons tambahan terhadap beberapa soalan yang telah ditimbulkan yang tidak dijawabnya ataupun dijawabnya barangkali dengan tidak begitu lengkap.

Maka saya memberikan peluang ini kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk berbuat sedemikian, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menjelaskan beberapa soalan yang belum sempat dijawab pada hari Sabtu lepas:-

1. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Iswandy Bin Ahmad sebagai tambahan mengenai maklumat tambahan Orang Kurang Upaya (OKU) bagi keperluan OKU *Bullying Control Order (BCO)* 2014 telah pun menambah keperluan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan OKU di semua bangunan dan gedung-gedung perniagaan akan dikuatkuasakan bermula pada 1 November 2018 nanti;
2. Mengenai soalan *e-Waste*. Masalah yang berkaitan dengan perkembangan elektronik dan *IT* iaitu pembuangan sisa elektronik ataupun *e-Waste* yang semakin bertambah di negara kita ini. Ini merupakan masalah sejagat yang perlu diberi perhatian khusus termasuk negara kitani.

Walaupun setakat ini belum ada disediakan tempat yang khas di setiap daerah bagi pembuangan barang-barang elektrik dan elektronik akan tetapi ada syarikat-

syarikat kitar semula yang berdaftar di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang boleh menerima sisa-sisa *e-Waste* tersebut yang kemudiannya akan memilih bahan-bahan yang boleh dikitar semula supaya pelupusan barang-barang buangan jenis kitar semula tersebut dilaksanakan secara teratur.

Langkah ini sejajar dengan dasar Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi untuk mempertingkatkan kaedah sistem pengurusan *3R* iaitu *reduce, reused, recycle*. Jabatan berkenaan telah pun melaksanakan beberapa inisiatif bagi pengurangan pembuangan sampah-sampah termasuklah barang-barang yang boleh dikitar semula daripada barang-barang elektronik dengan melaksanakan beberapa aktiviti seperti jerayawara, pendidikan, kempen dan informasi melalui laman sosial dan media bersama individu, persatuan-persatuan, badan-badan *NGO's* dan agensi-agensi kerajaan.

Tujuan inisiatif ini dibuat untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan orang ramai di negara ini mengenai bahan-bahan buangan daripada perkakas elektronik (*e-waste*). Bagi jangka masa panjang Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi akan meneroka kesesuaian untuk menyediakan tapak yang khusus untuk menyimpan dan memproses *dismantling* perkakas elektronik bagi memilih bahan-bahan yang boleh

dikitar semula sebelum dibuang untuk dilupuskan;

3. Mengenai soalan di bawah Tajuk SK08A-Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Apakah usaha dalam *Environment Impact Assesment* kitani dalam memastikan *eco-system marine* kitani tidak terjejas dengan usaha sektor perikanan kitani memandangkan sektor perikanan salah satu usaha untuk memastikan dalam *food security* kitani?

Di bawah Perintah Perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar 2016 (*Environmental Protection and Management Order 2016*) menghendaki semua aktiviti terjadual (Jadual 1 di bawah perenggan 9 perintah tersebut) bahawa setiap pemaju yang bercadang untuk melaksanakan aktiviti terjadual hendaklah menghadapkan pemberitahuan bertulis (*written notification*) sebelum menjalankan aktiviti tersebut.

Ini termasuklah sektor perikanan (*aquaculture*). Pemberitahuan bertulis tersebut hendaklah disertakan dengan keterangan-keterangan terperinci seperti mana yang dikehendaki dalam Jadual 2 di bawah perintah berkenaan termasuklah laporan penilaian kesan projek terhadap alam sekitar (*environmental impact assesment*) *EIA* yang menggariskan langkah-langkah pencegahan, pengurangan dan cara-cara menangani serta

membaik pulih kesan-kesan negatif sesuatu projek terhadap alam sekitar.

Sebagai langkah pemantauan, pihak pemaju hendaklah mematuhi garis panduan pengeluaran sisa-sisa buangan bagi mengelakkan pencemaran terhadap alam sekitar.

Dalam penyediaan laporan impak alam sekitar bagi projek perikanan, penyediaan *base line* bagi kualiti air perlu dibuat untuk mengetahui tahap kualiti air di kawasan berkenaan, sebelum projek dilaksanakan bagi memudahkan proses pemantauan. Semasa projek dilaksanakan, pemantauan yang berterusan perlu dibuat oleh pihak pemaju bagi memastikan tiada pencemaran terjadi berpandukan kepada garis panduan dan piawaian yang telah ditetapkan.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi juga akan meneliti tahap *compliance activity* berkenaan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** sekiranya pihak pemaju mematuhi segala garis panduan dan piawaian yang telah ditetapkan dan mempraktikkan pengurusan yang telah digariskan dalam *environmental impact assessment* dan pelan pengurusan dan pemantauan alam sekitar dengan betul, *eco-system* perairan laut atau sungai kita di Negara Brunei Darussalam dapat dikekalkan dan dipelihara untuk generasi akan datang;

4. Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit iaitu Jabatan Kemajuan Perumahan. Adakah rancangan untuk menyediakan tapak perusahaan seperti kawasan berkebun, bengkel dan perusahaan lain yang bersesuaian? Seperti yang diterangkan semalam, setiap kawasan skim perumahan telah pun disediakan kawasan-kawasan tertentu untuk perusahaan-perusahaan ringan atau perniagaan. Tinggal sahaja lagi adalah untuk pihak-pihak yang berkenaan untuk meneruskan mengusahakan kawasan tersebut.

Perlu diingat juga bahawa membuat perusahaan ataupun perniagaan seperti bengkel kereta di rumah-rumah persendirian adalah menyalahi dari segi persyaratan khas tanah yang diberikan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan. Patuhilah peraturan-peraturan dan persyaratan perjanjian perumahan semasa pengurniaan untuk mendapatkan rumah tersebut;

5. Soalan-soalan mengenai rangkaian jalan seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Pengerusi akan dibincangkan dan dirundingkan sahaja di peringkat daerah. Kaola akan menjawab juga soalan yang ditimbulkan mengenai Jambatan Telamba yang dibina pada tahun 1956 sudah terlalu lama.

Mengikut laporan dari Jabatan Kerja Raya keadaan jambatan ini didapati masih kukuh lagi iaitu *structure*

rebond dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan sentiasa dipantau dan diperiksa dari semasa ke semasa akan diperbaiki untuk memastikan ia selamat untuk digunakan;

Mengenai soalan: Ingin tahu perkembangan tempat-tempat pembuangan sampah yang telah dipohonkan oleh mukim-mukim dan kampung-kampung Daerah Tutong?. Kerja-kerja pembangunan tapak pembuangan sampah baharu di Mukim Telisai telah pun bermula dan ia akan dijangka siap pada bulan Jun 2018 nanti.

Manakala lokasi tapak pembuangan sampah baharu di Mukim Tanjung Maya telah pun dikenal pasti dan tapak berkenaan pada masa ini dalam proses untuk diwartakan di bawah Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan sebaik sahaja ia selesai proses-proses memajukan tapak berkenaan akan dilaksanakan.

Mengenai soalan Jabatan Tanah Kod Akaun 003/000 - Peraturan dan Undang-undang Tanah:

- i. Adakah cadangan memberi pilihan yang mahu kepada pemilik tanah yang mahu menggantikan tanah bagi kawasan yang sering dilanda banjir bagi memindahkannya ke tempat lain dengan disediakan perumahan?

Cadangan bagi pemilik tanah yang sering dilanda banjir

dengan memindah ke tempat lain dengan disediakan perumahan tertakluk kepada beberapa persyaratan dan perlu diteliti kesesuaian untuk ditukar ganti.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan tidak akan berkompromi kepada pelaksanaan apa jua kemajuan tanah yang tidak mengikut peraturan dan garis panduan apatah lagi bagi kemajuan yang dilaksanakan seperti menimbuk, meruntuh atau merata tanah sesuka hati yang selalunya mendatangkan impak kesan buruk kepada tanah-tanah kawasan persekitaran jika tidak dilaksanakan dengan betul dan teratur.

Kemajuan ini mungkin akan mengakibatkan tanah susur dan banjir di kawasan lain yang bersempadan dan seumpamanya. Sehubungan dengan itu, kerja-kerja menimbuk, merata dan meruntuh tanah masih perlu dirujuk dan mendapat kebenaran daripada pihak *ABCi* dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa;

- ii. Apakah cadangan dari jabatan ini untuk membantu menyelesaikan pemilik yang tanahnya tersepit (*landlocked*)? Mengenai penyelesaian pemilik yang tanahnya tersepit (*landlocked*), salah satu tatacara

bagi tanah-tanah terkunci dapat dibuka untuk dimajukan adalah dengan menggunakan bantu perancang (*planning tool*) yang digelar *land adjustment* atau pengubahsuaian tanah.

Perkara ini lazimnya dilakukan dengan menyediakan Skim Perancangan (*Scheme Land Readjustment*) yang antara lain tanah-tanah ini akan disediakan dengan cadangan-cadangan jalan masuk yang difikirkan sesuai yang lazimnya melibatkan pengubahsuaian sempadan dan bentuk tanah.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan cadangan-cadangan ini tertakluk kepada persetujuan pemilik-pemilik tanah yang terlibat terhadap apa jua cadangan perubahan dan jua pengubahsuaian. Selain itu lazimnya ia juga akan melibatkan kos bagi membiayai pengukuran semula lot-lot tanah yang berkenaan; dan

- iii. Adakah pemikiran memberi kelonggaran syarat dan pertimbangan menimbuk tanah persendirian bagi kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir khususnya di Mukim Rambai dan Mukim Bokok? Kelonggaran syarat bagi membina rumah di kawasan banjir ini, perkara ini pun tertakluk kepada peraturan

Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan pihak *ABC*;

8. Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, iaitu mengenai Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan, banjir di kawasan Daerah Tutong. Sebagai menambah saja pihak kementerian telah membuat pendekatan langkah panjang dengan membuat kajian terperinci mengenai punca banjir di Daerah Tutong. Untuk makluman tadahan Sungai Tutong berbanding dengan tadahan lain adalah berskala besar. Oleh yang demikian, perbelanjaan projek bagi menangani banjir sangat tinggi.

الحَمْدُ لله pihak kementerian akan melaksanakan projek mitigasi tadahan di Daerah Tutong secara berfasa. Pada tahun ini, 3 projek mitigasi akan dilaksanakan yang skop kerjanya termasuklah membina kolam tadahan dan penggunaan kaedah pam. Dengan cara ini, banjir berskala besar akan insya-Allah akan berkurangan. Manakala peruntukan bagi kerja-kerja pemeliharaan telah pun dipohonkan melalui Peruntukan Bencana Alam Dan Peruntukan Jabatan;

9. Mengenai soalan jalan raya yang ditimbulkan iaitu Jalan Tutong Lama. Jalan Tutong Lama sudah ada dalam perancangan untuk dinaikkan taraf (*upgrade*) jalan berkenaan dan tertakluk kepada peruntukan dan pada masa ini iaitu hanya kerja-kerja pembaikan dibuat seperti membaiki

pot holes dan kerja-kerja yang memerlukan segera yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya sahaja dibuat;

10. Mengenai persoalan pembinaan *flyover* di simpang-simpang "4". Pembinaan *flyover* ini juga telah pun dirancang dan kerja-kerja *feasibility* tadi sudah pun dijalankan. Pelaksananya nanti tertakluk kepada peruntukan dan keutamaannya;

11. Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari iaitu Tajuk SK06A - Jabatan Tanah. Apakah ada perancangan untuk membukakan semula Tanah Tumpang Sementara (*TOL*). Sebagai tambahan jawapan dasar pengurniaan tanah masih diteruskan iaitu melalui Racangan Perumahan Negara, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati sama ada dalam bentuk pengurniaan tanah ataupun pengurniaan lot-lot tanah.

Di samping itu, kerajaan juga masih meneruskan Skim Penggeranan Tapak Rumah di atas tanah LTS (Lesen Tumpang Sementara) yang pada masa ini sedang dalam penelitian semula dasar dan garis panduan mengenainya untuk menyesuaikan dengan skim-skim tanah kurnia yang lain;

12. Mengenai soalan supaya *taskforce* Bahagian Undang-Undang Jabatan Tanah menubuhkan Unit Bergerak.

Salah satu tugas utama Jabatan Tanah adalah melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan membuat laporan kemajuan ke atas tanah bergeran dan tanah-tanah kerajaan seluruh negeri menjadi *Plan Strategic* dan rangka kerja jabatan untuk melaksanakan penguatkuasaan ke atas kemajuan-kemajuan yang melanggar undang-undang tanah sama ada dibuat di peringkat jabatan mahupun secara bersepadu.

Untuk melaksanakan penguatkuasaan ke atas kemajuan-kemajuan yang melanggar undang-undang tanah sama ada dibuat di peringkat jabatan mahupun secara bersepadu, jabatan Tanah melalui Unit Penguatkuasaan dan Jabatan Daerah secara berterusan meningkatkan usaha-usaha bagi mengawal penggunaan tanah tanpa kebenaran khususnya bagi menjalankan.

Dan seterusnya akan menjalankan pemeriksaan secara berskala di tempat yang dikenal pasti menggunakan tanah kerajaan secara berterusan dan mengeluarkan surat-surat amaran kepada yang berkenaan. Tindakan penguatkuasaan ini akan diperkukuhkan lagi dengan adanya nanti tertubuhnya Jawatankuasa Penguatkuasaan di peringkat kementerian;

13. Mengenai soalan penggunaan tanah kebun oleh orang-orang asing secara sewa yang tidak ada

kebenaran dari Jabatan Tanah. Kesalahan-kesalahan atas tanah bergeran seperti penyewaan kepada orang-orang asing selalunya dibuat di luar pengetahuan dan kawalan Jabatan Tanah, memandangkan tuan tanah sendiri yang membuat perjanjian dengan penyewa-penyewa atau pengusaha-pengusaha, tetapi jika didapati melanggar peraturan yang sedia ada, pihak Jabatan Tanah akan memberi teguran-teguran dan jika kesalahan besar akan diambil tindakan undang-undang.

Dalam hubungan ini, diseru kepada ketua-ketua kampung ataupun pihak yang berkepentingan untuk memberikan kerjasama dengan melaporkan perkara-perkara tersebut ke Jabatan Tanah untuk diam bil tindakan yang bersesuaian dengannya;

14. Berkenaan pemilikan Tanah Strata 99 Tahun, saya ingin merista aspek sejarah Sultan Abdul Momin yang pernah membuat amanah pada tahun 1885 dalam penyewaan ataupun penjualan kepada tanah kepada orang asing. Mengenai pemilikan Tanah Strata 99 Tahun sukacita dimaklumkan bahawa Akta Strata telah diluluskan pada tahun 1999 dan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2009.

Akta tersebut telah pun digubal untuk membolehkan sesiapa sahaja yang berkeinginan untuk memiliki harta tanah berupa unit-unit

dalam bangunan. Pemilikan secara berstrata dibukakan kepada sesiapa sahaja sama ada rakyat Brunei, penduduk tetap atau warga negara asing tertakluk kepada pertimbangan jawatankuasa yang meluluskan permohonan pemilikan harta milik strata.

Dalam hal ini, tanah tidak dijual atau berpindah milik kepada warga negara asing. Tanah masih dimiliki oleh pemilik asal (rakyat) cuma unit-unit dalam bangunan sahaja dijual atas tanah berkenaan bagi tempoh tidak melebihi 99 tahun bagi tanah kekal dan bagi tanah *lease* (pajakan) adalah satu hari kurang daripada tempoh pajakan dan baki tempoh pajakan dan tidak kurang daripada 20 tahun.

Pemohonan pemilikan strata bagi warganegara asing juga melalui proses awal (*screening*) dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (*AMBD*) sebelum sebarang pertimbangan mengenainya diberikan. Oleh yang demikian, dasar pemilikan tanah rakyat Brunei masih terjaga dan terkawal selaras dengan pengubalan *Land Code Amendment Order 2012*;

15. Berikut mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu. Menyentuh mengenai rumah yang dibina seperti yang ditularkan dalam media massa.

Perumahan yang dibina ada mempunyai kerosakan seperti pintu, *tile* dan seumpamanya.

Bagi perumahan awam, arkitek atau jurutera yang dilantik yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan kualiti bahan binaan yang diguna pakai dan memastikan pemborong yang bertanggungjawab membina mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Jika terdapat pihak pemborong menggunakan bahan yang tidak berkualiti pihak arkitek atau jurutera akan mengarahkan pihak pemborong untuk membuat semula dan menggunakan bahan-bahan binaan yang telah pun ditetapkan dalam spesifikasi;

16. Mengenai benteng tembok di tebing Sungai Temburong. Pembinaan benteng atau *riverewall* sepanjang Sungai Temburong yang telah dibina oleh Kementerian Pembangunan pada tahun 1990 di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-7 dan Ke-8 dan telah siap sepenuhnya. Pada masa ini, belum ada perancangan untuk menyambung pembinaan benteng sungai tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat akan diambil maklum dan kementerian ini akan membuat kajian mengenainya bersama-sama dengan pihak-pihak yang berkepentingan;

17. Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul

Hamid @ Sabli bin Haji Arshad. Merujuk cadangan yang lalu mengenai pembinaan Dewan Masyarakat dan Serba Guna di Rancangan Perumahan Negara Lumut dan Rancangan Perumahan Negara Jalan Lorong Tiga Seria dan Rancangan Perumahan Negara Panaga.

Pada masa ini Jabatan Kemajuan Perumahan tidak lagi mengendalikan pembinaan Dewan Masyarakat di kawasan-kawasan perumahan. Perkara ini di bawah kawalan Jabatan Daerah sebagaimana jua pembinaan masjid, pusat kesihatan, bomba dan lain-lain iaitu agensi-agensi berkenaan bertanggungjawab dalam mengendalikannya lokasi strategik yang telah disediakan dan dikenal pasti untuk kawasan-kawasan perumahan berkenaan;

18. Soalan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis di bawah Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Adakah Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya khususnya ada memiliki sistem pengawalan kewangan Projek Pembangunan Negara?

Jawapannya, dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dengan menggunakan peruntukan kerajaan, kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya mempunyai sistem-sistem yang berpandukan peraturan-peraturan kewangan ataupun *Financial Regulations* Kementerian Kewangan. Peraturan-peraturan

kewangan ini mengawal semua hal-hwal perolehan termasuk proses tawaran, pembelian, tawaran, kutipan hasil dan sebagainya.

Di samping itu juga semua kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya menggunakan sistem *online* dari Kementerian Kewangan iaitu *Treasury Accounting Financial Information System (TAFIS)* untuk membuat proses pembayaran. Khusus untuk pengawasan kontrak atau *Contract Management*, Jabatan Kerja Raya mempunyai garis panduan pengawalan kontrak yang diberi nama *Contract Administration Guidelines (CAGE)* dan *Quotation Administration Guidelines (QAGE)* yang memberikan panduan tatacara pengurusan kontrak yang betul. Tatacara ini turut diguna pakai oleh jabatan dan kementerian yang lain;

19. Mengenai tuntutan-tuntutan bil yang tidak lagi diberikan dan dihantar kepada tuan-tuan rumah. Pihak Kementerian Pembangunan mengucapkan terima kasih kepada orang ramai atas kebimbangan mereka mengenai kelambatan menerima bil-bil air yang ingin membayar bil pada tempoh yang berpatutan. Pada masa ini, tuntutan bil yang dihadapkan kepada pengguna setiap dua bulan sekali. Kaedah ini bersesuaian bagi mengurangkan kos dan penggunaan berhemah dengan sumber kerajaan yang sedia ada.

Terdapat juga sebab Jabatan Kerja Raya tidak dapat mengeluarkan bil setiap bulan seperti bagi mengemaskinikan sistem tuntutan bil air atau bil tidak dapat diberikan terus kepada pengguna jika bil tersebut melebihi 300% dari jumlah bil sepenuhnya. Untuk makluman, orang ramai yang tidak menerima bil-bil bulanan bolehlah terus datang ke Jabatan Perkhidmatan Air dengan membawa bacaan air mereka bagi urusan-urusan penyelarasan di kaunter-kaunter yang dikhaskan di jabatan berkenaan;

20. Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman. Langkah-langkah pihak kementerian dalam mengawal pemaju-pemaju yang tidak berdaftar. Perintah Pemaju Pengawalan dan Pelesenan 2012 adalah satu perintah yang mengawal pemaju-pemaju perumahan yang menyediakan perumahan dengan tujuan untuk melindungi kepentingan orang ramai khususnya para pembeli rumah di negara ini.

Untuk makluman, Kementerian Pembangunan telah pun meneliti kesesuaian bagi perintah ini dimulakan untuk dikuatkuasakan memandangkan perintah ini memerlukan penyediaan peraturan-peraturan yang membolehkan pelaksanaan atau implementasi yang

berkesan untuk memenuhi objektifnya.

Dalam pada itu, kementerian sedang dalam proses Penubuhan Lembaga Pemaju Perumahan yang seterusnya akan dimandatkan dengan peraturan-peraturan tersebut. Adalah dihasratkan dengan adanya perintah ini nanti akan dapat dikuatkuasakan pada tahun 2019 apabila semua peraturan-peraturan sudah sedia; dan

21. Soalan yang terakhir iaitu mengenai Perbelanjaan Aset. Tajuk Pengurusan Aset yang gelaran asalnya Pemeliharaan Aset Kediaman Rasmi dan Bangunan Kerajaan telah dikurangkan dari \$998,000 pada tahun 2017/2018 ke \$160,000 iaitu penurunan sebanyak \$828,000.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah tersebut bukanlah dikurangkan tetapi telah dipindahkan ke Jabatan Kerja Raya yang telah mengambil alih tanggungjawab untuk memelihara aset-aset kediaman rasmi sejak tahun lepas. Sememangnya pemeliharaan aset yang berperancangan seperti *preventive maintenance* memastikan aset-aset akan terpelihara dan terjaga. Akan tetapi ia menggunakan peruntukan yang agak besar.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Jabatan Kerja Raya akan sedaya upaya memelihara aset-aset kediaman kerajaan dengan peruntukan yang diberikan dengan

mengambil kira keutamaan seperti berikut:

- i. Keperluan memelihara mengikut undang-undang seperti keperluan bomba dan sebagainya;
- ii. Keperluan keselamatan (*safety*) bangunan dan pengguna keperluan keselamatan bangunan (*security*);
- iii. Keperluan bagi memastikan keadaan elemen seperti kerja atap, dinding dan sebagainya terjaga dan bangunan dapat beroperasi seperti pemeliharaan (*MME*) mekanikal dan elektrik; dan
- iv. Keperluan bagi memastikan cat luar dan halaman bangunan terpelihara dan terjaga.

Walau bagaimanapun, dengan pemeliharaan yang berancang ini *maintenance* jabatan akan dapat menjangka peruntukan-peruntukan, jika perlu akan membuat pindahan peruntukan atau tambahan peruntukan nanti bagi peruntukan yang tidak mencukupi.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola jelaskan terhadap soalan-soalan yang belum berjawab. Sekiranya terdapat kurang jelas saya bersedia menjawab secara bilateral sahaja untuk menerangkan lebih lanjut kepada

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ kaola mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan peruntukan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019.

Kaola juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah atas ucapan mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan membahaskan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019. Khususnya dalam menyampaikan pencapaian dan kejayaan Kementerian Pembangunan dalam melaksanakan projek-projek pembangunan termasuk projek-projek mega seperti Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Jambatan Penghubung Bandar Seri Begawan Sungai Kebun yang semestinya dinantikan oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Begitu juga projek Taman Mahkota Jubli Emas yang telah menjadi satu mercu kemegahan dan menjadi tarikan orang ramai dan pelancong ke Bandar Seri Begawan, di samping projek-projek perumahan di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam membahaskan Kementerian Pembangunan ini kaola ingin mengajukan beberapa soalan:

1. Seperti yang kita sedia maklum negara kita telah mengalami cuaca yang tidak menentu iaitu hujan lebat yang berlarutan, angin yang kencang dan mengakibatkan pokok-pokok tumbang di beberapa laluan jalan raya serta kejadian banjir dan tanah susur.

Kaola ingin menyentuh mengenai kejadian-kejadian pokok tumbang di beberapa laluan jalan raya termasuklah jalan- اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ jalan kampung. setakat ini tiada kemalangan nyawa dilaporkan di negara ini berbanding di negara jiran terutamanya yang telah berlaku baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, kejadian pokok tumbang ini dilaporkan telah mengakibatkan kecederaan ringan kepada pengguna jalan raya manakala kereta yang dipandu rosak teruk akibat dihempap pokok. Kejadian ini telah menjadikan kerisauan kepada orang ramai.

Soalan kaola ialah: Agensi kerajaan manakah yang berperanan menangani isu pokok tumbang di laluan jalan raya ini? Kaola cadangkan agar pokok-pokok yang sudah tua yang menunggu masa sahaja lagi akan dapat dipotong sebagai langkah berjaga-jaga bagi

mengelak kejadian yang tidak diinginkan berlaku; dan

2. Mengenai isu khidmat konsultan bagi projek-projek Rancangan Perumahan Negara. Yang Berhormat Pengerusi. Berbalik kepada cuaca hujan yang tidak menentu, kejadian banjir biasanya banyak berlaku di beberapa kawasan yang rendah dan yang menjadi persoalan kaola ialah kejadian banjir ini juga berlaku di kawasan yang tinggi seperti yang dilaporkan di kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang, Perumahan Tanah Jambu, Perumahan Bukit Beruang dan Perumahan Kampung Katok 'B'.

Malah projek perancangan perumahan yang kaola sebutkan tadi ialah sebahagiannya daripada projek yang baru siap dilaksanakan. Kaola difahamkan bahawa pada lazimnya projek rancangan perumahan negara dilaksanakan melalui khidmat konsultan.

Skop kerja konsultan termasuklah mereka bentuk rumah serta infrastruktur seperti jalan raya, longkang saliran dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, banjir masih juga berlaku. Ini tentunya telah mengakibatkan kerugian kepada penerima rumah dan juga kerajaan selaku penyedia sumber kewangan. Malah kerajaan juga akan terpaksa berbelanja bagi membiayai kerja-kerja pembaikan atau pengubahsuaian longkang saliran.

Dalam hal ini, apakah dasar pihak Jabatan Kemajuan Perumahan bagi memastikan bahawa projek-projek yang dikendalikan oleh pakar konsultan khususnya projek Rancangan Perumahan Negara ini menepati objektif yang telah ditetapkan dan sesuai untuk tujuan (*fit for purpose*)? Adakah sebarang tindakan dikenakan kepada pihak konsultan yang tidak menepati khususnya mengenai reka bentuk longkang saliran yang kurang efisien yang telah menyebabkan kejadian banjir?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon atas dua soalan tadi:

1. Mengenai isu pokok-pokok di jalan raya. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi adalah salah satu agensi yang dipertanggungjawabkan bagi pengurusan pokok-pokok hiasan yang bertujuan untuk kehijauan dan keindahan landskap selain berfungsi untuk meresap *carbon dioxide* dan membantu dalam pengurangan hakisan tanah (*soil erosion*).

Kebanyakan pokok-pokok landskap di tanam di tepi-tepi jalan utama kawasan bandar dan kawasan di bawah kawalan jabatan. Pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan

Rekreasi sentiasa memantau pokok hiasan landskap bukan sahaja pokok yang sudah tua akan tetapi pokok yang nampak sihat juga perlu diberi perhatian sekiranya pokok tersebut memerlukan pencantasan dahan dan ranting-ranting atau perlu dipotong sekiranya hasil daripada penelitian pokok tersebut boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Sementara itu, bagi pokok-pokok liar yang tumbuh di kawasan jalan-jalan kampung atau luar bandar, lebuhraya dan sebagainya adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya.

Bagi kejadian pokok tumbang pelaksanaan pemotongan akan dibuat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat secara bersepadu dengan jabatan-jabatan yang relevan bagi memastikan pelaksanaan kebersihan dilaksanakan dengan sempurna termasuklah Pasukan Polis Diraja Brunei bagi tujuan kelancaran lalu lintas bagi mengelakkan sebarang kemalangan.

Oleh yang demikian, tertakluk kepada kawasan-kawasan yang memerlukan tindakan yang bersepadu pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan Jabatan Jalan Raya sering bekerjasama untuk melaksanakan pencantasan dan pemotongan pokok-pokok yang telah dikenal pasti bagi mengelakkan kejadian

yang tidak diingini berlaku terutama pada musim hujan dan angin kencang.

Langkah jangka panjang Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi akan meneliti semula keperluan penilaian kesihatan pokok yang akan dilaksanakan oleh pakar bagi memastikan segala tindakan lebih terarah; dan

2. Mengenai isu banjir di kawasan Perumahan Negara, dasar Jabatan Kemajuan Perumahan iaitu menepati kualiti tempoh masa dan peruntukan yang diberikan untuk pelaksanaan projek merupakan antara elemen penting yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan dalam menyediakan rumah yang selamat, berkualiti dan mampu dimiliki oleh rakyat di negara ini di bawah Rancangan Perumahan Negara. Rumah yang disediakan antara lain juga mestilah menepati *fit for purpose* dengan reka bentuk yang dibenarkan iaitu mengikut spesifikasi, garis panduan serta juga piawaian yang tertentu.

Jika sekiranya pihak kontraktor atau konsultan yang dilantik, *design and build* tidak menepati reka bentuk yang telah dibenarkan yang menyebabkan keadaan banjir kerana reka bentuk saluran longkang yang tidak efisien, pihak Jabatan Kemajuan Perumahan akan mengambil tindakan yang wajar dan berpatutan berpandukan

persyaratan kontrak dan perundangan bagi memastikan pihak kontraktor dan konsultan berkenaan dipertanggungjawabkan mengenainya.

Pihak Jabatan Kemajuan Perumahan juga akan memastikan kerja-kerja untuk membaik pulih dilaksanakan mengikut prosedur yang tertentu seperti tuntutan terhadap *Professional Integrity Insurance (PII)*, dan pembiayaan perbelanjaan oleh pihak yang bertanggungjawab atas kegagalan reka bentuk tersebut.

Sementara itu, sebagai usaha pengurangan banjir pihak Jabatan Kemajuan Perumahan akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan longkang secara berkala bagi mana-mana kawasan yang mengalami banjir demi memastikan aliran air lancar dan longkang tidak tersumbat. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَأَمْرَأَتَيْنِ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kementerian Pembangunan atas mukadimah dan penjelasan mengenai fungsi dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada hari Sabtu lepas.

Kaola bagi mewakili Zon 2, Daerah Belait iaitu mukim-mukim kawasan pedalaman Ulu Belait dan kawasan Mukim Kuala Belait dan Mukim Kuala Balai membawa beberapa usul seperti berikut:

1. Kaola ingin membawa di bawah Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Terdapat banyak pokok hiasan yang ditanam di kawasan perumahan bagi tujuan pada asalnya untuk mencantikkan dan menghijaukan kawasan perumahan yang ditanam di kawasan perumahan bagi tujuan pada asalnya untuk mencantikkan dan menghijaukan kawasan perumahan.

Rasa keselesaan dan kencantikan yang patut dirasakan bertukar menjadi rasa kerisauan dan ketakutan bagi sebahagian penduduk di kawasan perumahan kerana pokok-pokok tersebut telah membesar dan tinggi serta dahannya pula ada yang menghampiri atap rumah dan daun-daun kering gugur ke halaman rumah dan mengotorkan halaman rumah.

Pemilik rumah pernah membuat permohonan supaya dahan-dahan pokok tersebut dicantas atau *ditrim*. Malangnya, kos untuk mencantas atau *mentrim* pokok-pokok tersebut memakan belanja yang besar dan sulit kerana memerlukan peralatan seperti *truck* yang mempunyai *crane* dan menggunakan *chainsaw*.

Jika tidak ada *truck* yang mempunyai *crane* kerja-kerja pemotongan atau mencantas dahan terpaksa menggunakan pekerja yang pakar dalam memanjat, lain lagi waktu angin kencang. Pemilik rumah merasa tidak selamat atau tenteram kerana dikhuatiri pokok-pokok yang sudah besar itu tumbang menghempap ke rumah mereka. Perkara ini pernah berlaku tetapi belum ada melibatkan nyawa.

Selain itu juga, akar-akar dari pokok tersebut boleh merosakkan jalan apabila ia semakin membesar. Dalam perkara ini, dicadangkan penanaman pokok kayu ditukar kepada penanaman pokok bunga yang bersesuaian kerana ia tidak memerlukan bajet yang tinggi, pemeliharaannya juga tidak memerlukan pakar panjat atau *truck* yang mempunyai *crane* untuk *mentrim*.

Penanaman bunga juga mencantikkan lagi suasana kawasan perumahan dengan berbagai-bagai jenis bunga, cantik mata memandang, malah menjadi tarikan serangga seperti rama-rama dan

kelulut untuk menghisap madunya. Ertinya, kos penanaman dan pemeliharaannya adalah rendah dan manfaatnya untuk manusia dan serangga.;

2. Menyentuh mengenai pemotongan rumput di kawasan bahu-bahu jalan masuk kawasan perumahan, taman permainan, laluan jogging serta padang bola di kawasan perumahan Negara Brunei Darussalam amnya dan kawasan Daerah Belait khususnya juga menjadi isu seharian.

Berbagai-bagai usaha dibuat seperti mengadakan kempen kebersihan setiap hujung minggu. Apakah kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan seperti dinyatakan tadi tidak dimasukkan dalam kerja-kerja pemeliharaan Jabatan Perumahan? Soalnya sampai bila keadaan seumpama ini berterusan. Kerja gotong-royong hanyalah merupakan sebagai kerja sokongan dari tanggungjawab masyarakat yang hanya bersifat keprihatinan dan rasa tanggungjawab.;

3. Memohon Jabatan Perumahan mempertimbangkan untuk mengutamakan pemohon orang bujang yang menanggung ibu tunggal yang ibunya tidak mempunyai rumah dan pekerjaan. Pemohon ini juga dikira mempunyai tanggungan.;
4. Seterusnya Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Seperti yang diketahui

bahawa projek menaik taraf jalan utama Mukim Sukang, Melilas dan Ulu Belait sedang rancak berjalan mengikut jadual. Mudah-mudahan ia siap seperti yang dirancang.

Semasa proses menaik taraf jalan tersebut, terdapat pula jalan-jalan yang menuju ke Mukim Sukang dan Melilas mengalami kerosakan teruk seperti jalan Merangking dan Bukit Sawat akibat dari kenderaan berat seperti aktiviti-aktiviti pengangkutan kayu balak, pengangkutan simen dan pengangkutan bahan-bahan konkrit dan sebagainya.

Terdapat alternatif diambil seperti menutup lubang-lubang jalan dengan bahan buangan pecahan simen bangunan. Apa yang mendukacitakan ada terdapat pecahan simen tersebut masih terdapat sisa besi *w/c* dan ditimbus ke dalam lubang tersebut dan mengakibatkan tayar kereta orang kampung pecah. Diharap pihak yang berkenaan dapat memantau agar perkara tersebut tidak berulang lagi.;

5. Apakah dalam bajet 2018/2019, pihak JKR akan menyambung untuk menimbus dan menaikkan Jalan Labi, Bukit Puan iaitu km 25 sepanjang 500m yang terbengkalai sejak 7 tahun yang lalu. Jalan tersebut telah terlibat baru-baru ini mengalami banjir buat pertama kalinya pada bulan Februari lepas. Manakala, jalan yang sudah ditimbus pula sudah mengalami

penurunan permukaannya juga tidak seimbang akibat hakisan.

6. Seterusnya kaola menyentuh mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk di Mukim Kuala Belait khususnya yang tinggal di kawasan berhampiran persisiran pantai bermula dari kawasan kubur Kristian hingga membawa kepada kawasan Istana Kota Manggalela.

Kita memang menyedari bahawa permukaan bumi di kawasan Daerah Belait semakin turun dari setahun ke setahun dan paras laut pula semakin tinggi. Setiap air pasang dan laut berombak, penduduk yang tinggal di kawasan tersebut merasa tidak selamat kerana air laut dan sisa sampah seperti kayu dan sebagainya akan masuk ke kawasan perumahan mereka.

Bagi penduduk yang berkemampuan, mereka mengambil tindakan sendiri untuk membuat benteng dengan menimbus menggunakan tanah bagi menghalang air laut masuk ke kawasan rumah mereka tetapi bagaimana pula penduduk-penduduk yang tidak berkemampuan.

Masalah ini bukan baharu, malah pernah disuarakan oleh mantan Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin. Maka, dalam wawasan negara untuk melihat rakyat dan penduduknya hidup dalam keadaan selesa dan selamat

maka ada baiknya masalah dapat ditangani sesegeranya;

7. Jalan Utama Sungai Liang Labi, memerlukan garis putih terutamanya tepi jalan sepanjang jalan kerana jalan tersebut gelap pada waktu malam malah sukar dilihat apabila waktu hujan. Pagar keselamatan juga perlu ditambah di kawasan selekoh yang mempunyai jurang yang membahayakan keselamatan pengguna jalan;
8. Seperti yang diketahui Jalan penghubung Labi, Kuala Balai, sudah dimasukkan dalam *Master Plan* Daerah Belait. Kaola rasa sudah tiba masanya perkara ini diambil perhatian kerana Mukim Labi dan persekitarannya dijadikan sebagai pusat perekonomian dan pertanian dalam Rancangan 2025.

Dengan terbinanya jalan penghubung ini akan dapat mengaktifkan serta mempercepatkan lagi pertumbuhan kegiatan-kegiatan perekonomian untuk mencapai *target* 2025 seterusnya mencapai Wawasan Brunei 2035.

Dengan terbinanya jalan itu nanti, mana-mana tanah kerajaan di kawasan tersebut dapatlah diterokai untuk bidang pertanian secara komersial. Jalan tersebut juga dijadikan Jalan Utama Mukim Labi, Kuala Balai dan Mukim Mumong dan seterusnya ke Pekan Kuala Belait. Jalan ini dijangka lebih dekat

serta menjimatkan masa perjalanan berbanding jalan sedia ada yang terpaksa melintasi Mukim Bukit Sawat, Mukim Sungai Liang dan Mukim Seria.;

9. Terdapat kawasan laut, anak sungai di kawasan pedalaman seperti Sungai Keriam, Sungai Tenajur, Sungai Rampayuh, Sungai Ratan di Mukim Labi dan Sungai Melayan di Bukit Sawat yang kesemua sungai ini alirannya menuju ke sungai besar Kuala Belait.

Sungai-sungai tersebut tidak dapat menembusi sungai besar disebabkan tidak dibersihkan malah paras kedalaman sungai sudah mula rata dengan tebingnya. Anak-anak sungai tersebut perlu dikorek kedalamannya bagi membolehkan anak-anak sungai dapat berjalan dengan lancar dan ini dapat mengatasi masalah banjir kilat yang sering berlaku ketika ini.;

10. Seterusnya di bawah Tajuk SK06A - Jabatan Tanah.
 - i. Seperti yang dimaklumkan bahawa status *TOL* di Kampung Sungai Dungun, Kuala Belait masa ini banyak yang dibatalkan oleh *DARe* bukan dari Jabatan Tanah. Soalannya, kenapakan pihak *DARe* yang membatalkan dan salinannya diberikan kepada Jabatan Tanah sedangkan kuasa membenarkan atau meluluskan tanah *TOL* adalah dari Jabatan Tanah.

- ii. Tolong jelaskan, apakah kuasa *DARe*, Jabatan Tanah dan Jabatan Buruh.; dan
- iii. Betulkah seorang rakyat jati Brunei Darussalam hanya dibenarkan memiliki tanah geran seluas 14 ekar sahaja.

Sekian disampaikan. dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan:

وَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Hanapi bin Mohd. Siput.

1. Kaola ingin memaklumkan isu-isu pemeliharaan jalan raya seperti jalan-jalan kampung ataupun daerah, kalau dapat dirundingkan di peringkat daerah sahaja dan perkara ini akan sentiasa dirundingkan bersama dengan pihak-pihak Ketua Kampung di Pejabat Daerah.
2. Mengenai soalan pokok-pokok kayu yang di kawasan perumahan yang ada pada masa ini. Memang tujuan asal untuk mencantikan kawasan perumahan tetapi oleh kerana pemeliharaan-pemeliharaan pokok-pokok tersebut nampaknya semakin berkurangan. Jabatan Perumahan akan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat supaya ia akan diusahakan untuk ditebang atau di *trim* sahaja dan digantikan dengan pokok-pokok tanaman seperti bunga-bunga untuk mencantikan kawasan berkenaan, akan diambil perhatian;
3. Mengenai pemotongan rumput. Terima kasih kepada pihak-pihak kampung dalam usaha bagi membisaikan ataupun memotong rumput di kawasan perumahan. Nampaknya pada tahun lepas kerja-kerja pemeliharaan secara peringkat akan dibuat mengikut perancangan-perancangan yang dilaksanakan pada tahun ini. Jabatan juga mengalu-alukan bagi melaksanakan beberapa kempen kebersihan di beberapa kawasan perumahan;
4. Mengenai sungai-sungai yang mungkin didapati sudah cetek. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* Jabatan Saliran dan Pembetulan akan memeriksa keadaan sungai-sungai dan memang diakui perlu ada penyelesaian ataupun pemeliharaan seperti pengorekan ke atas sungai-sungai berkenaan;
5. Mengenai jalan-jalan seperti menaik taraf jalan Bukit Puan dan seumpamanya akan diambil perhatian oleh Jabatan Kerja Raya dan mengenai pesisiran pantai di Kuala Belait yang didapati isu air laut pasang terlalu tinggi dan memasuki kawasan yang rendah juga akan dikaji, *study* akan dibuat mengenai keadaan-keadaan di tempat kawasan rendah Kuala Belait ini;
6. Mengenai syarat-syarat perumahan khas untuk ibu-ibu tunggal juga telah dikenal pasti dan juga akan diteliti di bawah *Housing Focus*

Group yang jika ada keperluan akan diberi perhatian sewajarnya;

7. Mengenai isu-isu tanah *TOL* Sungai Duhun yang sudah pun diserahkan ke bahagian *DARe* untuk urusan-urusan pembahagian tanah. Perkara ini akan kaola jelaskan kerana perkara ini mengenai perolehan perpindahan tanah-tanah tumpang sementara yang diserahkan kepada pihak *DARe*; dan
8. Mengenai 14 ekar sahaja yang dibolehkan, perkara ini juga akan kaola teliti dahulu sebelum menjawabnya.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi, terimakasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu untuk kita berehat selama 15 minit.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini kita sambung semula untuk membahaskan dan membincangkan Jadual Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin membawakan di bawah Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi. Semakin ramai peminat berbasikal, *ATV*, beriadah, berjoging dan lain-lain di tempat yang dikhaskan dan ada juga tempat-tempat yang bukan dikhaskan sama ada waktu siang atau malam.

Dipohonkan tempat-tempat yang belum diwartakan seperti Wasai Luagan Katok, Hutan Sungai Pungit diwartakan tempat riadah dan diperuntukkan bajet untuk pemeliharaan kawasan tersebut.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin dengan cadangan tempat-tempat riadah seperti wasai-wasai untuk diwartakan, إِنَّ شَاءَ اللَّهُ ini akan diambil perhatian oleh Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi supaya akan menambah lagi kawasan-kawasan untuk orang ramai beriadah, berjoging dan sebagainya.

Minta izin untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Hanapi bin Mohd. Siput tadi iaitu mengenai tanah *TOL* Sungai Duhun


yang dibatalkan oleh pihak *DARE* dan mengapakah pihak *DARE* yang membatalkan? Isu-isu tanah *LTS Industry* seperti Sungai Duhun sudah diserahkan kepada Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian sejak tahun 2015 lagi dan semua urusan tadbir pengurusan tanah adalah dalam bidang kuasa pihak *DARE*.

Ini bertujuan bagi penyelarasan dan juga bagi kesenangan efisiensi dan untuk memastikan kadar-kadar yang perlu dikenakan selaras dengan apa yang dibuat oleh Jabatan Tanah.

Mengenai soalan betulkah seorang rakyat jati hanya dibenarkan memiliki tanah 14 ekar sahaja. Dasar tanah yang ada pada masa ini tidak ada menghadkan keluasan tanah yang boleh dimiliki oleh rakyat jati Brunei. Kenyataan mengenai rakyat jati Brunei hanya boleh memiliki tidak lebih dari 14 ekar tidak betul.

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  dan salam sejahtera.

Saya mewakili rakyat Zon 2 Daerah Brunei Muara, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang dihormati sekalian. Saya merakamkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gapar, Menteri Pembangunan Negara Brunei Darussalam mengenai Perbelanjaan Kewangan Kementerian Pembangunan.

Lebih dahulu saya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gapar dan Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam yang telah sudi turun padang ke Kampung Serasa dan Kampung Rancangan Perpindahan Serasa mengenai jalan raya yang ada permasalahan di kawasan Mukim Serasa.

Saya akan menyentuh mengenai Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya dengan peruntukannya sebanyak \$138,558.040.00. Saya akan menyentuh mengenai jalan raya. Seperti mana permasalahan jalan raya ini telahpun disuarakan pada setiap tahun di Dewan yang mulia ini dan juga semasa sesi permuzakarah dengan Kementerian Pembangunan.

Saya sendiri tidak akan berpanjang lebar mengenai perbahasan jalan raya ini seperti mana jua orang ramai dan rakyat khususnya di Zon 2 mengenai

jalan raya termasuk jalan raya perindustrian di Mukim Serasa.

Saya ingin menyoalkan sahaja mengenai perkara ini:

1. Kenapa sejauh ini di permukaan jalan raya di negara ini termasuk jalan raya masuk ke kampung ataupun jalan raya perindustrian Jalan Muara dan Kampung Serasa dan Rancangan Perumahan Negara Kampung Serasa masih belum mencapai kualiti yang tinggi?;
2. Bilakah kerja-kerja menaik taraf atau membaiki pulih jalan raya tersebut dibuat, yang pada masa ini nampak paling mendukacitakan sejak kebelakangan ini?;
3. Dicadangkan setiap kontraktor atau syarikat yang beroperasi di jalan ataupun di kampung tersebut akan dapat menangani permasalahan ini dan seterusnya membantu kerajaan untuk membaiki pulih jalan-jalan berkenaan;
4. Saya sendiri melihat Anggaran Perbelanjaan Tahun 2018/2019 bagi Jabatan Kerja Raya iaitu Kod Akaun 1106-004 terdapat menaik taraf Jalan Perindustrian Serasa menuju ke Jambatan Pulau Muara Besar dengan anggaran perbelanjaan yang diluluskan sebanyak \$500,000.00. Adakah Kod yang sedemikian dapat memberikan peluang untuk membaiki jalan perindustrian dan jalan masuk ke

Kampung Serasa dan Kampung Rancangan Perumahan Negara Serasa?

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi: Saya ingin menyentuh Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan dengan peruntukan yang telah dilperuntukkan sebanyak \$14,308,210.00.

Yang Berhormat Pengerusi. Isu mengenai rumah rosak di kawasan sekitar Skim Perumahan Negara telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu pada hari Sabtu yang lepas. Saya mengambil maklum perkara berkenaan dan tidak akan menimbulkannya lagi, akan tetapi saya berharap pihak berkenaan akan mengambil tindakan yang sesegeranya seperti mana usulan.

Yang Berhormat Pengerusi. Di sini saya menimbulkan pula isu rumah khususnya di kawasan Rancangan Perumahan Negara Panchor Mengkubau yang sudah diserahkan kepada pemohon tetapi mengalami kerosakan. Keadaan rumah masih seperti asal belum lagi dibuat tambahan tetapi sudah banyak keretakan hingga pemilik rumah tidak mahu tinggal di rumah berkenaan ditakutinya tidak selamat untuk didiami dan ada juga mengalami kebocoran dari kamar mandi bahagian atas sehingga air menitis di bahagian bawah. Perkara ini telah dilaporkan kepada pihak kontraktor semasa dalam tempoh *warranty*, sedihnya sehingga *warranty* habis rumah belum diperbaiki sehingga kini.

Yang Berhormat Pengerusi. Pertanyaan saya, apakah jadinya dengan rumah-rumah yang diserahkan kepada pemohon?:

- i. Adakah pihak Kementerian Pembangunan khususnya Jabatan Kemajuan Perumahan mengambil maklum masalah yang dihadapi oleh pemilik? dan Apakah tindakan yang telah dibuat bagi menangani isu ini;
- ii. Saya Yang Berhormat Pengerusi. mengenai Jabatan Kemajuan Perumahan. Objektif utama wujudnya Skim Perumahan Negara adalah bagi memupuk semangat bermasyarakat dan berjiran. Memandangkan pemohon-pemohon datangnya berlainan kampung dan sebagainya.

Dari amatan saya terdapat pemilik yang berjaya tidak menghiraukan objektif ini, yang saya maksudkan di sini didapati sebilangan pemilik rumah ada yang membuat tambahan rumah tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan hingga boleh menyebabkan permasalahan kejiranan. Jika dilihat dari tambahan yang dilihat pun sudah tahu ia dilihat mempunyai kebenaran.

Oleh itu, dipohonkan pencerahan di sini: Apakah pemilik rumah khususnya yang di kawasan Skim Perumahan Negara ini sudah maklum mengenai proses atau garis panduan yang betul untuk membuat ubah suai rumah mereka?

Memang tidak dinafikan ada juga pemilik yang sudah diberikan surat oleh

pihak yang berkenaan, akan tetapi tidak dihiraukan. Seperti mana dimaklumkan dalam surat teguran dari pihak ABCi, jika pemilik gagal menghadapi permohonan tambahan dalam tempoh yang ditetapkan maka mereka akan didenda mengikut Akta *Building Control Order* 2014 Seksyen 24(1), jika sabit kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi \$200,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.

Yang Berhormat Pengerusi. Saya merujuk kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara dalam Dewan yang mulia ini yang berlangsung pada 5 Mac 2018.

Titah Baginda "*Semua ini memerlukan perhatian dan kajian oleh pihak-pihak yang berkaitan. Kita tidak mahu orang mempersendakan akta kerana kelemahan kita. Adakah akta sahaja belum memadai tanpa ia didaulatkan melalui pelaksanaan. Pelaksanaanlah harga bagi suatu akta itu.*"

Yang Berhormat Pengerusi. Maka saya di sini saya ingin bertanya sejauh manakah pelaksanaan dan tindakan yang dibuat bagi pesalah-pesalah sebagaimana Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menyatakannya setakat ini 378 pesalah-pesalah yang telah melanggar undang-undang akta? Oleh yang demikian, apakah tindakan

pihak yang berkenaan untuk mengatasi perkara ini?

Yang Berhormat Pengerusi, saya akan menyentuh mengenai garis panduan pelan rumah. Dalam garis panduan dalam membina rumah atau bangunan telah ditetapkan ukuran garisan bangunan.

Ukuran garisan bangunan bagi rumah yang berdekatan dengan jalan besar adalah terlalu lebar. Jika keadaan tanah itu bukanlah terlalu begitu besar walaupun jumlah keluasannya besar tanah itu langsung tidak dapat dimajukan untuk mendirikan rumah kediaman.

Ini sudah tentu merugikan rakyat yang hanya mempunyai tanah dalam bentuk sedemikian dan rakyat ini juga tidak berkelayakan untuk memohon rumah dalam Rancangan Perumahan Negara. Yang Berhormat Pengerusi. Oleh yang demikian, dicadangkan supaya had garisan bangunan itu ditiadakan, asal saja bangunan yang akan di bangunan atau dibina itu berada dalam tanah berkenaan ataupun saja dikurangkan ukuran garis bangunan itu hanya kepada lebih kurang 3 meter sahaja ataupun pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan boleh mengganti tanah berkenaan dengan tanah kerajaan yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi. Di dalam Dewan yang mulia ini,

1. Saya juga ingin menyentuh mengenai Tajuk SK01A-Jabatan

Kementerian Pembangunan: Autoriti Kawalan Bangunan Industri (*ABC*) Kementerian Pembangunan telah mengeluarkan piawaian Brunei Darussalam 2017. *Building Guidelines and Requirement* sebagai pindaan pada edisi 2014, memuatkan penyelarasan keperluan kawalan kemajuan dengan keperluan Perintah Kawalan Bangunan 2014 serta bagi menjamin keselamatan orang ramai melalui kawalan kemajuan pembangunan.

Ia sebahagian daripada usaha untuk mempermudah lagi proses mendapatkan kebenaran perancangan dan seterusnya kebenaran kemajuan sehingga kebenaran kesiapan kemajuan. Di samping itu, kesemua permohonan berkaitan termasuk cadangan untuk membangun rumah atau bangunan tambahan dan ubah suai rumah ataupun bangunan termasuk unit kedai hanya boleh dibuat oleh orang berkelayakan (*QP-qualified person*) yang dilantik oleh pemaju atau pemilik tanah.

Persoalannya ialah kadar atau caj yang dikenakan oleh orang berkelayakan (*QP-qualified person*) ini terlalu tinggi ataupun mahal. Caj yang sedemikian, terpaksa juga dibayar oleh seseorang hanya sekadar membuat pengubahsuaian atau tambahan yang *simple* dan ia tidak melibatkan perubahan pada struktur bagi rumah kediaman.

Perkara ini telah membebankan sedikit sebanyak kepada tuan

punya rumah kediaman yang sememangnya memerlukan untuk membesarkan rumah kerana jumlah keluarga yang semakin bertambah yang pasti pihak orang berkelayakan (*QP-qualified person*) akan mengaut keuntungan hanya untuk mendapatkan cop daripada orang berkelayakan (*QP-qualified person*) tersebut.

Dalam hal ini, terdapat keperluan untuk menilai terhadap kadar yang dicaj oleh orang berkelayakan (*QP-qualified person*) ataupun membuat pengawalan secara peraturan sahaja dikeluarkan oleh pihak Autoriti Kawalan Bangunan Industri (*ABCI*) tanpa melihat orang berkelayakan (*QP-qualified person*) hanya untuk kediaman yang hanya benar-benar didiami oleh sesebuah keluarga.

Rumah yang digunakan untuk kediaman bukanlah untuk meraih keuntungan seperti unit kedai, gedung perniagaan atau bangunan yang mereka mampu untuk membayar caj yang tinggi dikenakan oleh orang berkelayakan (*QP-qualified person*);

2. Yang Berhormat Pengerusi. Masalah pembuangan pemotongan pokok. Banyak iklan yang disampaikan di kedai-kedai dan juga di surat khabar yang menawarkan perkhidmatan pembuangan dan pemotongan pokok dengan harga yang ditawarkan sangat kompetitif. Sukacita mengetahui

sama ada syarikat-syarikatnya yang memberikan perkhidmatan pembuangan dan potongan pokok ini dikawal oleh agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi.

Dikhuatiri potongan-potongan pokok ini dibuang di tempat yang bukan sepatutnya kerana didapati beberapa buah syarikat pembuangan dan potongan pokok menawarkan harga yang sangat murah.

3. Yang Berhormat Pengerusi. Saya juga akan menyentuh mengenai projek *Brunei Bluff and Control of Beach Erosion* yang terletak di Kampung Tanjung Batu Kampung Sabun, Mukim Serasa Muara.

Pada pandangan saya mengenai projek ini, bahawa ia telah pun siap dibina dan digunakan oleh orang ramai untuk beriadah dan sebagainya. Saya tidak melihat papan tanda mengenai keselamatan orang ramai yang menggunakan kawasan tersebut. Pertanyaan saya di sini:

a. Adakah pihak Kementerian Pembangunan telah bersedia dengan apa-apa rancangan termasuk keselamatan orang ramai yang mengunjungi kawasan tersebut untuk beriadah?; dan

- b. Saya juga ingin bertanya di sini terdapat sebilangan penjaja-penjaja yang telah menggunakan kawasan tersebut padahal terdapat papan tanda melarang penjaja-penjaja berniaga. Apakah pihak Kementerian Pembangunan akan membuat langkah-langkah untuk mengatasi perkara ini?.
4. Yang Berhormat Pengerusi, saya juga akan menyentuh mengenai rumah kerajaan yang terbiar di kawasan Kampung Serasa iaitu berek kerajaan yang di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan.

Pada masa ini, sehingga sekarang berek tersebut tidak dipedulikan sehingga mengundang orang-orang datang mencuri perlatan rumah tersebut. Kerajaan telah banyak membelanjakan dengan jumlah yang paling besar mengenai pembangunan negara.

Akan tetapi rumah tersebut tidak dipedulikan oleh pihak Kementerian Pembangunan dan baru-baru ini kita telah melihat kebakaran yang terjadi Pekan Muara, malangnya mereka ini di tempatkan di Pasarneka Muara dan kita begitu kecewa sekali melihat kedudukan orang-orang yang ditimpa kebakaran ini.

Apatah sekiranya pihak kementerian sebelum ini akan dapat memperbaiki perumahan tersebut, mungkin orang-orang yang ditimpa kebakaran itu dapat menggunakan perumahan yang terbiar ini sehingga masa ini.

5. Yang Berhormat Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai Pantai Serasa yang ada pada masa ini tanpa pengetahuan Penghulu dan Ketua Kampung bahawa Pantai Serasa yang berada di hujung sekali telah ditutup selama ini tetapi kenyataan penutupan ini tidak diberikan kepada Penghulu dan Ketua Kampung. Apakah projek yang akan dibuat di sana setakat ini?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi.
Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih mengenai beberapa soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Kaola akan menjelaskan beberapa yang dapat mengenai soalan-soalan tadi.

1. Isu perumahan yang rosak di Rancangan RPN Panchor Mengkubau. Jabatan Kemajuan Perumahan kini giat membuat perundingan dengan pihak berkenaan yang telah membina rumah tersebut iaitu pihak BIBD sebagai agensi pelaksana pada

mulanya. Dalam usaha melaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi unit rumah yang mengalami kerosakan tersebut kerosakan kecil termasuklah *vandalism* dan kecurian bagi rumah-rumah kosong yang belum diperuntukkan. Kerosakan di bawah jaminan pemborong seperti atap, cat rumah dan juga *waterproving* bagi rumah yang kosong yang belum diperuntukkan dan juga didiami.

Kerosakan *structure (major)* di bawah tanggungan pemborong bagi rumah kosong yang belum diperuntukkan dan sudah didiami. Pihak Kementerian Pembangunan juga melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah mengeluarkan tawaran bagi pembaikpulihan sebanyak 470 unit rumah bagi kerosakan kecil dan serjumlah 1.7 juta telah pun diperuntukkan.

Kerosakan-kerosakan ini di bawah jaminan pemborong dan kerosakan *structure* akan ditanggung oleh pihak pemborong. Akan tetapi bagi rumah yang telah diubah suai, maka *warranty* rumah berkenaan dengan sendirinya akan terbatal dan kerja pembaikan akan menjadi tanggungjawab pemilik rumah itu sendiri. Selain itu, pemilik rumah juga bertanggungjawab bagi membaiki kerosakan-kerosakan *minor defect* rumah yang telah diperuntukkan.

Mengenai pemilik-pemilik yang telah berjaya untuk memiliki perumahan-

perumahan perlu juga menghadiri taklimat semasa pengundian unit rumah. Pada taklimat berkenaan beberapa agensi berkenaan telah menerangkan perkara-perkara penting dengan syarat dan peraturan mengikut Skim Perumahan Negara. Taklimat ini termasuklah tatacara menghadapi peraturan-peraturan membuat ubah suai dan tambahan rumah.

Membuat tambahan rumah-rumah di kawasan Skim Perumahan Negara bukanlah dilarang, cuma pemilik rumah dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran bertulis dari pihak *ABCi* yang berkenaan, dengan melantik *QP* atau *qualified person* yang berdaftar di pihak Kementerian Pembangunan, dengan melantik *QP* tersebut, kemajuan yang akan mengikut garis panduan yang ditetapkan dan selaras mengikut syarat-syarat khas tanah seperti nisbah plot, saiz kemajuan, susun atur, kedudukan dan rupa bentuk keluaran bangunan.

Pada masa ini mana-mana rumah yang melanggar syarat dengan pengubahsuaian tanpa kebenaran akan diberikan teguran secara lisan lebih dahulu dan secara bertulis sebelum pihak berkenaan mengambil apa jua tindakan.

Mengenai kes-kes menambah rumah tanpa kebenaran, pihak Jabatan *ABCi* telah pun mengeluarkan amaran bagi mereka untuk memohon semula dan melantik *QP*

yang berkelayakan untuk *submit drawing* atau pelan bagi tambahan rumah yang tidak dibenarkan.

Untuk makluman, surat-surat amaran telah pun dikeluarkan dan setakat ini tindakan selanjutnya untuk mendakwa membawa orang-orang yang terlibat yang tidak diberikan kebenaran dan mengikut laporan dari *ABCi* sebanyak 5 kes telah pun dilaporkan dan dibawa ke pihak berkuasa. Mengenai *QP* yang mengenakan bayaran-bayaran yang mungkin mahal.

Mengikut peraturan-peraturan *ABCi* objektif yang utama akta dan peraturan tersebut untuk menjaga kepentingannya (*protection*) tuan rumah dalam aspek pematuhan terhadap kemajuan tanah dan pembinaan, reka bentuk (*structure*) pembangunan, keselamatan pematuhan terhadap piawaian kemajuan tanah dapat mengikut risiko keadaan tapak terlibat lebih-lebih lagi kawasan yang berisiko tinggi seperti aliran-aliran bukit dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan juga memahami akan kemaslahatan orang ramai yang berhasrat membina rumah yang kurang kemampuan untuk membayar kos perundingan atau *QP*.

Ke arah ini Kementerian Pembangunan mengambil langkah bagi beberapa inisiatif yang boleh menangani isu ini, antara lain dalam proses menyediakan *recommended scale of professional fees* di bawah Perintah Arkitek Jurutera

Profesional dan Jurutera Bahan 2011 *recommended scale of professional fees* bertujuan memberikan *transperancy* dan sukat-sukat kos perundingan *QP* yang lazimnya yang mendapatkan perkhidmatan perundingan dan juga meneliti peraturan bagi bangunan-bangunan yang berskala kecil khususnya pembinaan rumah-rumah persendirian dan juga meneliti bagi perkhidmatan orang-orang berpengalaman dan pernah berdaftar di Kementerian Pembangunan untuk memberikan taklimat bagi rumah-rumah persendirian.

Kementerian Pembangunan merayu kepada orang ramai untuk mengambil langkah-langkah awal seperti mendapatkan separuh harga daripada *QP* bekekaan iaitu *QP* yang bedaftar dan juga yang lebih penting supaya berwaspada dalam memilih kontraktor. Kejayaan satu-satu projek bergantung pada 3 aspek iaitu klien, *designer* dan kontraktor;

Mengenai soalan yang ditujukan kepada Jabatan Alam Sekitar, pemotongan pokok, untuk makluman Jabatan Alam Sekitar tidak mengawal harga bagi pemotongan pokok-pokok yang dibuat oleh syarikat-syarikat swasta yang hendak membuat kerja-kerja pemotongan pokok.

Akan tetapi pembuangan sisa-sisa potongan perlu dibuang di pusat pelupusan atau dihantar sahaja ke Syarikat Kitar Semula untuk diproses dan dijadikan kompos. Mengenai Projek Tanjung Batu atau *Protection of Meragang Beach*, di Meragang.

Untuk makluman sudah terdapat papan-papan tanda keselamatan termasuk papan tanda kebersihan yang sudah dipasang di kawasan Tanjung Batu tersebut. Pihak kementerian melalui Jabatan Saliran dan Pembetulan sentiasa akan melihat dan menilai akan keperluan papan-papan tanda yang bersesuaian bagi mengawal keselamatan orang ramai.

Bagi masalah penjaja. Pihak kementerian dalam proses berbincang bersama-sama pihak-pihak yang berkepentingan bagi sama-sama menangani masalah penjaja yang tidak mengikut peraturan yang telah pun ditetapkan;

Mengenai hujung Pantai Serasa, bukan ditutup tapi hanya dibuat palang supaya kenderaan tidak dapat masuk bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku seperti mengawal kenderaan yang mendatangkan bahaya kepada orang ramai yang beriadah. Jalan masuk diberikan untuk pejalan kaki dan basikal sahaja.

Tidak ada mengatakan tempat tidak dibenarkan masuk kecuali kenderaan yang menggunakan motor tambahan lagi kawasan tersebut sering mengalami air pasang dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** tidak sesuai kenderaan untuk memasuki kawasan-kawasan tersebut. Usaha pun sudah difikirkan sama ada jenis-jenis kenderaan yang sesuai untuk memasuki kawasan berkenaan; dan

Mengenai jalan raya di Jalan Perusahaan Serasa. Ada beberapa faktor menyebabkan kualiti jalan raya terjejas iaitu seperti berikut:

- i. Keadaan tanah yang kurang stabil;
- ii. *Edging pavement* yang memerlukan pembaikpulihzn dan penurapan baharu;
- iii. Penggunaan jalan oleh kenderaan berat yang melebihi muatan;
- iv. Keadaan cuaca, lebih turunan hujan yang mengakibatkan kerosakan jalan raya iaitu *potholes*, takungan air dan sistem saliran yang tersekat;
- v. Kerosakan akibat bencana alam; dan
- vi. Pelan dan program pengurusan jalan raya yang memerlukan peruntukan besar iaitu melalui kerja-kerja pemuliharaan Rancangan Kemajuan Negara.

Untuk makluman Jalan Perusahaan Serasa akan dinaik taraf melalui projek RKN11 yang tawarannya akan dikeluarkan pada bulan Mac dan akan ditutup pada bulan April ini

Yang Berhormat Pengerusi setakat itu sahaja yang kaola dapat jawab dan mana-mana jawapan yang belum sempat akan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kaola cuba terangkan jika ada diberi masa nanti.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya ingin menimbulkan isu yang berkaitan dengan Kod 003/000 iaitu Pengurusan Aset Bangunan dan Fasiliti. Kaola dalam kesempatan ini ingin menyentuh mengenai *ABCI (Authority for Building Control and Construction Industry)*. Isu yang kaola ingin bawakan ialah sebelum ini hal-ehwal yang berkaitan dengan pembuatan tanda-tanda perniagaan bagi bangunan-bangunan perniagaan adalah di bawah pentadbiran beberapa agensi kerajaan yang berkenaan. Kalau di kawasan Jabatan Bandaran ia di bawah kuasa Jabatan Bandaran sementara di luar kawasan Jabatan Bandaran selama ini ia diuruskan dan ditadbir oleh Jabatan Daerah.

Tapi itu hanya kuasa untuk pelesenan. Sementara urusan bagi penulisan Bahasa Melayu dan juga tulisan Jawi dalam papan-papan tanda itu sebelum ini diserahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, sesuai dengan fungsinya sebagai pendukung kepada kedaulatan

Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Negara.

Tetapi hakikatnya apabila diserahkan kepada *ABCI* banyak permasalahan yang telah timbul. Antaranya ada papan-papan tanda itu yang tidak terdapat tulisan Rumi atau Jawi. Hanya tulisan nama kedai itu dalam bahasa Inggeris, malah terdapat bahasa-bahasa lain sudah tumpang sekaki. Bahasa-bahasa asing yang itu bertentangan dengan *ruling* tertentu dari sejak sebelum merdeka lagi yang memestikan tulisan Jawi atau tulisan Rumi mesti ada.

Baru-baru ini terdapat beberapa pengaduan yang agak serius juga iaitu beberapa perusahaan, kedai atau restoran yang papan-papan tandanya tidak menggunakan Bahasa Melayu, jawi dan sebagainya. Bila dirujuk perkara ini kita mendapatkan jawapan ia telah diserahkan pengurusannya kepada *ABCI*.

Perkara ini telah pernah kaola timbulkan semasa muzakarah dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada tahun lepas yang kaola menimbulkan perkara ini supaya nama-nama perniagaan ini lebih dikuatkan lagi pengurusannya dengan kaola cadangkan supaya diadakan Jawatankuasa Bertindak Bahasa Melayu ataupun kawalan Bahasa Melayu. Abiskaola telah diberitahu perkara ini telah dipindahkan ke *ABCI* bukan lagi Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dalam kesempatan ini kaola sukacita mencadangkan dengan cadangan yang kuat agar kuasa kebenaran ini

dipulangkan, dikembalikan semula kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, sesuai dengan status Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pentadbir kepada penyebaran Bahasa Melayu yang ada peruntukannya dalam Bab 82 (1) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 iaitu Pindaan 2004 mengenai tujuan penubuhan DBP itu ialah berkaitan dengan penyebaran Bahasa Melayu.

Mereka sebenarnya pakar dalam perkara ini, sedangkan pada pandangan kaola secara zahirnya *ABCi* memang berkepakaran dalam urusan fizikal bangunan, *architecture*nya dan lain-lain tetapi bukan dalam bahagian penulisan ataupun pengawalan Bahasa Melayu. Sebab itulah apabila ia diserahkan kepada *ABCi* kaola nampak semangat kedaulatan Bahasa Melayu dan tulisan Jawi itu sudah agak hilang dan seperti sedikit diabaikan.

Kaola dengan perasaan penuh jernih hati mengharapkan dikembalikan semula autoriti pengawalan Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi itu kepada pihak yang berkenaan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan sementara kebenaran pelesenan mungkin juga diperkuatkan semula cadangan kaola dulu supaya dibentuk satu jawatankuasa bertindak mengenai perkara ini.

Dalam hal yang sama juga, dulu kaola pernah timbulkan supaya kerajaan membuat satu Akta Bahasa dan kaola diberitahu sudah pun ada akta itu dan di buat draf-drafnya tetapi mungkin pihak-

pihak berkenaan memikirkan belum sampai masanya ataupun bagaimana, kaola ingin menyarankan supaya Akta Bahasa ini dipulihkan semula dan diberi sokongan penuh bagi mendaulatkan Bahasa Melayu dan Tulisan Jawi kerana inilah sahaja khazanah kitani yang masih ada kitani pegang, iaitu tulisan jawi khususnya telah diabaikan di negara lain. Kita tidak mahu itu terjadi di Negara Brunei Darussalam.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani mengenai saranan dan cadangan tulisan jawi di papan tanda iklan. Untuk makluman, papan iklan dan juga papan tanda adalah di bawah kawalan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCi*) sejak Januari 2016.

Sebelumnya, ia dikendalikan oleh Jabatan Perancang dan Desa, Kementerian Pembangunan dan juga Jabatan Bandaran, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, mengikut kawasan masing-masing.

Peraturan Kawalan Bangunan 2014, Papan Iklan dan Papan Tanda 2016 telah pun dibuat dan mula berkuatkuasa pada 15 Mac 2016. Semua permohonan bagi mendapatkan kebenaran iklan, papan iklan dan papan tanda telah pun dipusatkan di *ABCi*. Ini bermakna

pemohon ataupun syarikat pengiklanan hanya perlu menghadapkan permohonan ke *ABCi* tanpa perlu menghadapkan permohonan ke agensi-agensi lain seperti Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, bagi tulisan jawi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi penggunaan logo dan juga Jabatan Jalan Raya bagi pemasangan di tepi jalan raya dan lain-lain agensi mengikut keperluan.

Pihak *ABCi* hanya akan mengeluarkan surat kebenaran setelah mendapat ulasan dan kebenaran dari agensi-agensi berkenaan, seperti contoh jika tulisan jawi yang dipaparkan pada papan tanda atau papan iklan tersebut belum atau tidak mendapat kelulusan dari Dewan Bahasa dan Pustaka, maka pihak *ABCi* belumlah dapat mengeluarkan kebenaran bagi pemasangan papan-papan tanda atau papan iklan tersebut.

Begitu juga halnya jika cadangan lokasi papan iklan belum mendapat kebenaran dari Jabatan Jalan Raya maka permohonan tersebut belumlah dapat dipertimbangkan. Dalam Peraturan-Peraturan Kawalan Bangunan 2014, Papan Iklan dan Papan Tanda 2016 telah memperuntukkan tiada seorang pun boleh mempamerkan ataupun menyebabkan atau membenarkan untuk dipamerkan di luar apa-apa iklan, papan iklan animasi, tanda arah, papan tanda atau tanda langit sama ada di atas permukaan luar mana-mana bangunan atau mana-mana bangunan sebarang premis atau di atas apa-apa struktur

iklan yang mandiri tanpa kebenaran bertulis dari pihak berkuasa *ABCi*.

ABCi telah dan sedang mengadakan perbincangan bersama Pejabat Peguam Negara bagi meneliti semula peraturan yang ada dan ini termasuklah cadangan untuk memberi kuasa kepada agensi-agensi yang berkenaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membuat teguran dan mengambil tindakan bersesuaian jika didapati tulisan jawi di papan tanda iklan tidak mengikut kebenaran.

Sekian saja penjelasan kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari: السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

1. Kaola ingin merujuk kepada Tajuk SK04A - Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Adakah pihak kementerian akan mempertimbangkan lagi pembinaan perumahan apartmen bertingkat tinggi pada masa akan datang?; dan
2. Kaola ingin merujuk kepada Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi:
 - i. Inisiatif *No Plastic Bag Weekend* telah dilancarkan pada tahun

2011. Adakah pihak jabatan telah membuat kajian mengenai impak inisiatif ini? Di samping itu, bilakah pihak jabatan melanjutkan inisiatif tersebut ke hari-hari lain seperti yang telah diumumkan sebelum ini?;
- ii. Seterusnya, juga untuk Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. melalui program-program kesedaran, semakin ramai yang menggunakan khidmat syarikat pengutipan sampah yang dapat datang ke rumah-rumah mereka 3 kali seminggu ataupun menghantar sampah-sampah ke tempat pembuangan sampah yang disediakan.

Namun dalam memastikan pengurusan sampah dapat dibuat dengan lebih sistematik, kaola ingin merujuk semula kepada cadangan untuk menguatkuasakan khidmat pengutipan sampah di kawasan Rancangan Perumahan Negara.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan ada menyatakan dalam mukadimah beliau yang perkhidmatan pengutipan sampah secara berlanggan telah diperkenalkan di Rancangan Perpindahan Negara Kampung Lugu bermula Ogos 2017. Bagaimanakah respons inisiatif ini dan apakah perancangan pihak kementerian untuk

memperkenalkan sistem ini di kawasan perumahan yang lain?;

- iii. Adakah pihak kementerian akan bekerjasama dengan syarikat kitar semula bagi membolehkan mereka mengumpul barangan kitar semula melalui sistem yang sama? Sebagai contoh, pengumpulan sampah biasa pada hari Isnin, Rabu dan Sabtu dan pengumpulan barangan kitar semula pada hari Khamis; dan
- iv. Adakah terdapat piawaian bagi memastikan pelupusan bahan kimia berbahaya yang boleh dibakar (*flammable hazardous waste*) kerana pada masa ini tidak terdapat syarikat ataupun agensi yang mempunyai kapasiti untuk menjalankan pelupusan tersebut? Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dayang Khairunnisa mengenai soalan-soalan tadi. Mengenai inisiatif Hari Tanpa Beg Plastik, pada masa ini hanya dikenakan pada hujung minggu sahaja iaitu pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad.

Memandangkan tindak balas yang amat positif daripada orang ramai, pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi bercadang untuk menambah satu hari lagi bagi menjadikan 4 hari tanpa beg plastik. Perkara ini masih lagi dalam perundingan dengan gedung-gedung perniagaan dan peniaga-

peniaga yang turut serta dalam melaksanakan inisiatif ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ langkah ini diharap akan dapat mengurangkan penggunaan beg plastik dalam usaha untuk mengurangkan jumlah sisa buangan yang perlu dilupuskan di Pusat Pelupusan, sekali gus menyumbang kepada menepati sasaran untuk mengurangkan jumlah sampah *per capita* iaitu 1.4 *kilogram* daripada 1 *kilogram per capita* menjelang tahun 2035.

Soalan-soalan mengenai kebenaran membangun apartmen bertingkat, perkara ini memang dibenarkan di kawasan-kawasan tertentu seperti pusat-pusat bandar dan di pusat-pusat pertumbuhan.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah pun membuat *review* kepada tanah dan nisbah plot ataupun *plot ratio*. *Review* ini akan menjurus kepada meningkatkan kadar-kadar kepadatan tanah dan nisbah *plot ratio* di kawasan yang tertentu.

Mengenai dengan soalan-soalan lain mungkin kalau diizinkan kaola akan dapat menjawabnya nanti. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi kaola bercakap mengenai Tajuk SK07A - Jabatan Ukur.

1. Kaola menyentuh mengenai sistem simpang-simpang jalan di Negara Brunei Darussalam. Terdapat beberapa simpang jalan yang tidak tersusun, terlalu panjang dan kadangkala sukar dilihat disebabkan kabur tulisannya dan juga terhalang oleh pokok-pokok dan sebagainya. Dalam hubungan ini, kaola ingin bertanya: apakah perancangan jangka panjang Jabatan Ukur dalam memastikan sistem simpang-simpang jalan ini sentiasa diselenggarakan dan berfungsi dengan baik serta mudah difahami dan digunakan oleh orang ramai?; dan
2. Adakah rancangan untuk menyediakan lokasi petunjuk jalan buatan Brunei yang lengkap meliputi semua jalan-jalan di Negara Brunei Darussalam ini yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur sebagai panduan kepada orang ramai dan juga pelancong-pelancong ke Negara Brunei Darussalam? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri

Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang أَلْسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Haji Umarali bin Esung iaitu mengenai

simpang-simpang jalan yang tidak selaras. Jabatan Ukur memang mengambil maklum tentang perkara ini terutama sekali di kawasan-kawasan yang terlibat dalam pembinaan jalan-jalan raya dan pembinaan jalan raya penghubung bagi jalan-jalan baharu dan jalan lama.

Penyelidikan secara berperingkat-peringkat di kawasan yang telah pun dikenal pasti sedang dilaksanakan dan dijangkakan terdapat beberapa perubahan peralamanan bagi rumah-rumah di kawasan tersebut yang akan dimaklumkan secara persuratan dan juga melalui perjumpaan bersama Penghulu, Ketua Kampung dan penduduk yang terlibat. Bagi jalan-jalan yang disambung papan-papan tanda petunjuk di simpang jalan juga akan didirikan untuk panduan.

Mengenai *directional sign* ataupun jalan petunjuk lokasi, perkara ini satu cadangan yang baik dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Jabatan Ukur akan melihat kesesuaian dan pelaksanaan ini kerana dengan adanya memasang label-label jalan bagi memudahkan pengguna-pengguna jalan raya dan juga untuk kawasan-kawasan yang baharu dibuka. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah mendengar beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat bertanya dan membuat kenyataan dari berbagai-bagai sudut mengenai Belanjawan Kementerian Pembangunan dan beberapa soalan yang berkenaan itu juga telah dijawab

oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pendidikan suka untuk membuat kenyataan tambahan dalam perbincangan Jadual Kementerian Pembangunan ini terutama mengenai satu soalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin mengongsikan penjelasan bagi cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong bagi satu kaji selidik dilaksanakan berhubung dengan pencapaian akademik anak-anak ataupun pelajar-pelajar yang tinggal di rumah-rumah teres memandangkan tempat mereka belajar di rumah terhad.

Bagi menjelaskannya kaola mengongsikan di sini bahawa satu kajian telah dilaksanakan bagi semua sekolah rendah berdasarkan Pencapaian Penilaian Sekolah Rendah iaitu PSR pada tahun 2017 yang telah dihubungkan dengan beberapa faktor seperti kawasan dan latar belakang sosioekonomi iaitu jumlah pelajar yang menerima bantuan bagi setiap sekolah dan hasil penilaian keseluruhan sekolah.

Kajian ini meliputi keseluruhan 17 sekolah rendah yang terletak di semua kawasan perumahan di negara ini. Bagi PSR 2017, 9 buah sekolah telah menunjukkan prestasi yang baik, manakala 5 buah sekolah mendapat prestasi sederhana dan 3 buah sekolah telah mencapai prestasi yang kurang memuaskan.

Dapatan ini menunjukkan ada beberapa buah sekolah rendah yang terletak di kawasan perumahan ini yang juga mempunyai pelajar-pelajar yang ramai menerima bantuan telah menunjukkan prestasi PSR yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, banyak juga sekolah yang mempunyai latar belakang sosioekonomi yang rendah di dalam kawasan-kawasan perumahan ini telah menunjukkan prestasi PSR yang baik.

Fakta-fakta ini menunjukkan latar belakang sosioekonomi sesebuah keluarga mahupun saiz rumah sesebuah keluarga itu bukanlah satu-satunya faktor penentu prestasi pelajar-pelajar tersebut dalam pelajaran. Dengan yang demikian, isu ini memerlukan penelitian dengan lebih mendalam lagi oleh Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak berkepentingan yang berkenaan. Dalam masa yang sama pihak Kementerian Pendidikan berpendapat tanpa mengira saiz dan jenis rumah, para ibu bapa dan penjaga haruslah peka terhadap cara terbaik mereka untuk membantu anak-anak mereka dalam pelajaran seperti memata-matai kerja rumah dan ulang kaji pelajaran.

Sebagai kesimpulannya, isu ini memerlukan penelitian lanjut terhadap berbagai-bagai faktor penentu dan juga berbagai-bagai pendekatan untuk menangani isu ini. Kaola dalam kesempatan ini mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong kerana menimbulkan isu yang amat penting ini untuk perhatian lanjut Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk membuat kenyataan tambahan

Yang Berhormat Menteri Perhubungan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَارْحَمْهُم بِرَحْمَةِ اللّٰهِ وَرِزْقِكَ

Kaola ingin menambah sedikit sahaja kepada kenyataan dan soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman berhubung dengan Kod Akaun 1106/004 iaitu mengenai menaik taraf Jalan Perindustrian Serasa menuju ke Jabatan Pulau Muara Besar dan mengambil kira jua ada dalam kenyataan awal Yang Berhormat tadi menyatakan ada penglibatan pihak Kementerian Perhubungan semasa membuat tinjauan di kawasan Serasa bersama dengan pihak Kementerian

Pembangunan dan agensi-agensi yang lain baru-baru ini.

Dalam hal ini, peranan Kementerian Perhubungan khususnya melalui Jabatan Pengangkutan Darat, yang berkaitan dengan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas kenderaan-kenderaan komersial khususnya yang didapati membawa muatan lebihan ataupun berat berlebihan. Ia menjadi salah satu faktor penyumbang kepada kerosakan jalan raya yang telah pun diterangkan tadi oleh rakan Yang Berhormat Pembangunan.

Izinkan kaola mengongsikan hasil statistik atau dapatan bagi tahun 2017 sahaja, tahun lepas sejumlah 224 kompaun secara menyeluruh telah pun dikeluarkan kepada pemandu yang membawa muatan berlebihan yang daripada 224 kompaun itu, sebanyak 133 kompaun telah dikeluarkan yang melibatkan di kawasan Mukim Serasa. Ini menunjukkan hampir 60% daripada semua kesalahan kenderaan berat yang direkodkan sepanjang tahun 2017.

Dalam hal ini, pihak Kementerian Perhubungan dengan kerjasama secara *whole of nation approach* dengan Kementerian Pembangunan, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Kerja Raya dan beberapa agensi yang berkepentingan yang lain sedang berterusan membuat beberapa sesi-sesi dialog dan musyawarah dengan syarikat-syarikat swasta yang telah dikenal pasti sebagai mereka yang terlibat dalam kawasan Perindustrian Serasa khususnya bagi memberigakan

kesedaran dan kefahaman mengenai peraturan-peraturan dan kesalahan-kesalahan yang ada di bawah peruntukan Akta Lalu Lintas Jalan Raya. Sekian sahaja yang kaola dapat sampaikan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan minat yang begitu banyak yang telah pun ditunjukkan mengenai Tajuk yang kita bincangkan ini dan dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat dan juga dengan mengambil ingatan bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan akan menjawab beberapa soalan lagi sama ada secara lisan mahupun bertulis pada kemudian hari ataupun pada sesuatu peluang yang kita berikan kepadanya nanti.

Maka saya kira cukuplah sudah perbincangan kita mengenai dengan Jadual Kementerian Pembangunan ini dan saya kira berpatutan sekarang bagi Tajuk Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya kita undi sama ada diluluskan atau sebaliknya.

Jadi, sekarang saya ingin bertanya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi mereka yang bersetuju bagi perkara ini kita luluskan sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua bersetuju dan tidak ada yang menentang.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli

Yang Berhormat. Kita telah pun berbincang dengan panjang lebar. Saya kira sangat sesuai bagi kita sekarang untuk bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mencadangkan supaya mesyuarat kita ini di tangguhkan bagi membolehkan kita berehat pada sebelah tengah hari. Kita akan menyambung lagi persidangan kita pada sebelah petang nanti iaitu pukul 2.30 petang.

Sekian وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)